Paparan 1: Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023

MALAYSIA


Pegangan Pertanian: **1,030,020**Individu: **1,008,829**Pertubuhan: **21,191**

Negeri	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Johor	106,038	102,460	3,578
Kedah	124,431	123,194	1,237
Kelantan	87,645	87,203	442
Melaka	13,824	13,022	802
Negeri Sembilan	45,429	44,082	1,347
Pahang	90,025	87,482	2,543
Perak	107,474	104,878	2,596
Perlis	18,970	18,839	131
Pulau Pinang	16,645	15,491	1,154
Sabah	159,259	156,635	2,624
Sarawak	147,414	145,378	2,036
Selangor	37,117	35,474	1,643
Terengganu	73,051	72,367	684
W.P. Kuala Lumpur	1,756	1,426	330
W.P. Labuan	766	732	34
W.P. Putrajaya	176	166	10

6.1.1 Kewarganegaraan

Daripada 1,000,829 pegangan pertanian individu di Malaysia, seramai 1,000,458 orang atau 99.2 peratus merupakan warganegara, manakala 8,371 orang (0.8%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan, Malaysia, 2023



Warganegara

1,000,458
(99.2%)




Bukan Warganegara

8,371
(0.8%)

6.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu di Malaysia didominasi oleh lelaki iaitu 753,139 orang (74.7%) berbanding 255,690 perempuan (25.3%). Semua negeri merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Malaysia, 2023



6.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 458,263 orang atau 45.4 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun (326,287 orang; 32.3%), 31 hingga 45 tahun (190,952 orang; 18.9%) dan 15 hingga 30 tahun (33,195 orang; 3.3%).

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Malaysia 2023




Nota: Penjumlahan peratusan $\neq$ 100% kerana tiada maklumat.

6.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 884,194 orang (88.4%), diikuti oleh Cina (97,745 orang; 9.8%), India (10,577 orang; 1.0%) dan lain-lain (7,942 orang; 0.8%).


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Etnik, Malaysia, 2023



6.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (741,823 orang; 73.5%), diikuti oleh balu/duda (113,384 orang; 11.2%), tidak pernah berkahwin (102,554 orang; 10.2%) dan bercerai/berpisah (11,778 orang; 1.2%).

Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023




Nota: Penjumlahan peratusan $\neq$ 100% kerana tiada maklumat.

6.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 381,638 orang atau 37.8 peratus pegangan pertanian individu mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh tiada sijil (271,413 orang; 26.9%) dan peringkat rendah (256,063 orang; 25.4%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiar pula berjumlah 60,425 orang (6.0%).

Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023




Nota: Penjumlahan peratusan $\neq$ 100% kerana tiada maklumat

6.2 Keluasan Bertanam

Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 adalah seluas 7,501.3 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 2,298.1 ribu hektar diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala 5,203.2 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sarawak mencatatkan jumlah keluasan bertanam terbesar iaitu seluas 1,803.4 ribu hektar, diikuti oleh Sabah (1,782.0 ribu hektar) dan Pahang (983.0 ribu hektar).


Paparan 8: Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



6.3 Keluasan Bertuai

Jumlah keluasan bertuai di Malaysia merekodkan 6,629.0 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan bertuai bagi pegangan pertanian individu adalah seluas 2,130.4 ribu hektar, manakala keluasan bertuai bagi pertubuhan adalah 4,498.6 ribu hektar. Sabah mencatatkan jumlah keluasan bertuai terbesar iaitu seluas 1,574.4 ribu hektar, diikuti oleh Sarawak (1,548.2 ribu hektar) dan Pahang (872.0 ribu hektar).


Paparan 9: Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



6.4 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor tanaman pada tahun 2023 mencatatkan 103.4 juta tan metrik. Tanaman kelapa sawit merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 95.1 juta tan metrik, diikuti oleh padi (2.3 juta tan metrik) dan buah-buahan (1.8 juta tan metrik). Sarawak mencatatkan kuantiti pengeluaran tanaman tertinggi sebanyak 22.9 juta tan metrik, menyumbang 22.2 peratus kepada pengeluaran tanaman Malaysia.


Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman, Malaysia, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti ternakan hidup adalah sebanyak 1,520.8 juta ekor, dengan aktiviti penternakan ayam mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran tertinggi sebanyak 968.6 juta ekor atau 63.7 peratus, diikuti oleh penternakan itik (34.3 juta ekor) dan babi (1.8 juta ekor). Negeri Sembilan mencatatkan kuantiti pengeluaran ternakan hidup tertinggi pada tahun 2023, dengan 332.3 juta ekor atau 21.9 peratus kepada pengeluaran ternakan hidup Malaysia, diikuti oleh Johor (298.0 juta ekor) dan Perak (204.2 juta ekor). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 54.9 peratus kepada pengeluaran ternakan hidup Malaysia.


Bagi hasil ternakan pula, kuantiti pengeluaran telur mencatatkan 14,895.6 juta biji, dengan Selangor sebagai negeri pengeluar tertinggi (3,623.4 juta biji). Selain itu, kuantiti pengeluaran bagi susu segar adalah 47.5 juta liter, dengan Pahang sebagai negeri pengeluar tertinggi (9.0 juta liter). Sementara itu, kuantiti pengeluaran bagi hasil ternakan lain merekodkan sebanyak 0.9 juta tan metrik yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasil lain.

Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Malaysia, 2023




Subsektor perikanan tangkapan mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 1,099.6 ribu tan metrik. Aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi jumlah kuantiti pengeluaran sebanyak 1,089.9 ribu tan metrik, bersamaan 99.1 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti perikanan tangkapan darat mencatatkan jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 9.7 ribu tan metrik atau hanya 0.9 peratus. Perak merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan jumlah 298.6 ribu tan metrik, diikuti oleh Sabah (159.1 ribu tan metrik) dan Kedah (129.4 ribu tan metrik). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 53.4 peratus kepada pengeluaran perikanan tangkapan negara.

Paparan 12: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan, Malaysia, 2023



Subsektor akuakultur merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 484.3 ribu tan metrik, yang meliputi aktiviti air tawar dan air payau. Kuantiti pengeluaran akuakultur tertinggi dicatatkan oleh Sabah, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 234.3 ribu tan metrik, diikuti oleh Perak (66.0 ribu tan metrik) dan Johor (42.6 ribu tan metrik). Manakala bagi baka & benih dan ikan hiasan pula, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 6,440,628.7 ribu ekor, dengan Pahang merekodkan pengeluaran tertinggi sebanyak 4,388,807.8 ribu ekor, diikuti oleh Perak (663,279.9 ribu ekor) dan Selangor (372,031.9 ribu ekor).


Paparan 13: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur, Malaysia, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan adalah 6,567.5 ribu meter padu. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menghasilkan 18.2 ribu meter padu (0.3%), manakala pegangan pertanian pertubuhan 6,549.2 ribu meter padu (99.7%). Sarawak mencatatkan kuantiti keseluruhan pembalakan tertinggi iaitu sebanyak 1,764.6 ribu meter padu, diikuti oleh Perak (1,313.1 ribu meter padu) dan Pahang (954.2 ribu meter padu). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 61.4 peratus kepada pengeluaran pembalakan Malaysia.

Kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak 5,396.9 ribu kilogram. Pegangan pertanian individu menyumbang 4,211.6 ribu kilogram (78.0%), manakala pegangan pertanian pertubuhan 1,185.3 ribu kilogram (22.0%). Perak mengeluarkan hasil hutan bukan kayu yang tertinggi iaitu 2,320.9 ribu kilogram, manakala Selangor dan Pahang pula masing-masing sebanyak 1,317.7 ribu dan 1,089.7 ribu kilogram.

Paparan 14: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Malaysia, 2023




1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

6.5 Kuantiti Dan Nilai Jualan


Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi subsektor tanaman pada tahun 2023 mencatatkan 102.3 juta tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi direkodkan oleh kelapa sawit iaitu sebanyak 95.1 juta tan metrik. Ini diikuti oleh padi dan sayur-sayuran dengan masing-masing mengeluarkan 1.7 juta dan 1.6 juta tan metrik. Sarawak mencatatkan kuantiti jualan keseluruhan tanaman tertinggi pada tahun 2023 iaitu sebanyak 22.9 juta tan metrik atau menyumbang 22.4 peratus kepada kuantiti jualan tanaman Malaysia. Sementara itu, nilai jualan bagi subsektor tanaman direkodkan sebanyak RM117,877.94 juta.

Paparan 15: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Malaysia, 2023




Bagi ternakan hidup, 93.0 peratus daripada 1,520.8 juta ekor pengeluaran ternakan dijual pada tahun 2023, dengan kuantiti jualan ternakan tertinggi dicatatkan oleh ternakan ayam (882.6 juta ekor), diikuti oleh itik (32.5 juta ekor) dan babi (1.6 juta ekor). Manakala, kuantiti jualan dari hasil ternakan adalah sebanyak 13,938.2 juta biji telur dan 46.5 juta liter susu segar. Nilai jualan bagi ternakan hidup dan hasil ternakan adalah sebanyak RM24,813.86 juta.

Paparan 16: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Malaysia, 2023




Keseluruhan kuantiti jualan subsektor perikanan tangkapan di Malaysia adalah sebanyak 1,054.7 ribu tan metrik. Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 1,045.3 ribu tan metrik (99.1%), manakala perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 9.4 ribu tan metrik (0.9%). Perak mencatatkan kuantiti jualan yang tertinggi dengan jumlah 298.4 ribu tan metrik, diikuti oleh Sabah (150.0 ribu tan metrik) dan Kedah (129.3 ribu tan metrik). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 54.8 peratus kepada jumlah kuantiti jualan perikanan tangkapan di Malaysia. Subsektor perikanan tangkapan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM10,777.07 juta.

Paparan 17: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan, Malaysia, 2023



Subsektor akuakultur merekodkan kuantiti jualan sebanyak 465.4 ribu tan metrik merangkumi aktiviti akuakultur air tawar dan air payau. Sabah merekodkan kuantiti jualan tertinggi iaitu sebanyak 233.4 ribu tan metrik, diikuti oleh Perak (62.3 ribu tan metrik) dan Pulau Pinang (41.0 ribu tan metrik). Sementara itu, kuantiti jualan bagi baka & benih dan ikan hiasan adalah 1,577,573.9 ribu ekor. Tiga negeri yang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi bagi baka & benih dan ikan hiasan adalah Johor (347,134.3 ribu ekor), diikuti oleh Perak (311,314.1 ribu ekor) dan Selangor (257,501.8 ribu ekor). Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM4,387.70 juta.


Paparan 18: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur, Malaysia, 2023



Kuantiti jualan bagi aktiviti pembalakan adalah 5,981.6 ribu meter padu. Daripada jumlah tersebut, kuantiti jualan pegangan pertanian individu adalah sebanyak 17.0 ribu meter padu (0.3%), manakala pegangan pertanian pertubuhan, 5,964.7 ribu meter padu (99.7%). Sarawak mencatatkan kuantiti jualan tertinggi sebanyak 1,741.9 ribu meter padu, diikuti oleh Pahang (954.2 ribu meter padu) dan Sabah (804.6 ribu meter padu). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 58.5 peratus kepada kuantiti jualan pembalakan Malaysia.

Kuantiti jualan bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak 4,873.3 ribu kilogram. Sumbangan tertinggi dicatatkan oleh pegangan pertanian individu dengan 4,061.5 ribu kilogram (83.3%) dan pegangan pertanian pertubuhan, 811.8 ribu kilogram (16.7%). Perak mencatatkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 1,912.3 ribu kilogram, manakala Selangor dan Pahang masing-masing sebanyak 1,297.1 ribu dan 1,086.5 ribu kilogram. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM3,834.36 juta.

Paparan 19: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Malaysia, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.



WILAYAH PERSEKUTUAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA

Profil Pegangan Pertanian Individu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Kewarganegaraan



Warganegara

1,425



Bukan Warganegara

1

Jantina



Lelaki

909



Perempuan

517

Sijil Tertinggi Diperoleh



Tertiari

349



Menengah

662



Rendah

196



Tiada Sijil

219

Tiada Maklumat :-

Kumpulan Umur

15 - 30 tahun

17



31 - 45 tahun

227



46 - 59 tahun

438



60 tahun dan ke atas

744



Tiada Maklumat :-

Kumpulan Etnik



Bumiputera

Bumiputera :

965



India

India :

28



Cina

Cina :

422



Lain-Lain

Lain-lain :

10

Tiada Maklumat :-

Taraf Perkahwinan



Tidak pernah
berkahwin

122



Balu/
Duda

104



Berkahwin

1,186



Bercera/
Berpisah

14

Tiada Maklumat :-

Guna Tenaga Sektor Pertanian

Jumlah
120



Individu
64
(53.3%)



Pertubuhan
56
(46.7%)



*Nota:
Nilai kurang dari tiga



@StatsMalaysia





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA

Profil Pegangan Pertanian Individu Wilayah Persekutuan Labuan

Kewarganegaraan



Warganegara

718



Bukan Warganegara

14

Jantina



Lelaki

601



Perempuan

131

Sijil Tertinggi Diperoleh



Tertiari

72



Menengah

221



Rendah

270



Tiada Sijil

169

Tiada Maklumat :-

Kumpulan Umur

15 - 30 tahun

15

31 - 45 tahun

145

46 - 59 tahun

251

60 tahun dan ke atas

321

Tiada Maklumat :-

Kumpulan Etnik



Bumiputera

Bumiputera :

636



Cina

Cina :

69



India

India :

1



Lain-Lain

Lain-lain :

12

Tiada Maklumat :-

Taraf Perkahwinan



Tidak pernah
berkahwin

50



Berkahwin

594



Balu/
Duda

64



Bercerai/
Berpisah

24

Tiada Maklumat :-

Guna Tenaga Sektor Pertanian

Jumlah
1,278



Individu
1,106
(86.5%)



Pertubuhan
172
(13.5%)



*Nota:
Nilai kurang dari tiga





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA

Profil Pegangan Pertanian Individu Wilayah Persekutuan Putrajaya

Kewarganegaraan



Warganegara

166



Bukan Warganegara

-

Jantina



Lelaki

120



Perempuan

46

Sijil Tertinggi Diperoleh



Tertiari

88



Menengah

65



Rendah

7



Tiada Sijil

6

Tiada Maklumat :-

Kumpulan Umur

15 - 30 tahun

5



31 - 45 tahun

60



46 - 59 tahun

66



60 tahun dan ke atas

35



Tiada Maklumat :-

Kumpulan Etnik



Bumiputera

Bumiputera :

164



Cina

Cina :

2



India

India :

-



Lain-Lain

Lain-lain :

-

Tiada Maklumat :-

Taraf Perkahwinan



Tidak pernah
berkahwin

16



Balu/
Duda

4



Berkahwin

146



Bercera/
Berpisah

-

Tiada Maklumat :-

Guna Tenaga Sektor Pertanian

Jumlah
78



Individu
67
(85.9%)



Pertubuhan
11
(14.1%)



*Nota:
Nilai kurang dari tiga





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA



PARAMETER UTAMA PERTANIAN 2023

WILAYAH PERSEKUTUAN



KUALA LUMPUR

PARAMETER UTAMA PERTANIAN 2023 MENGIKUT SUBSEKTOR

PEGANGAN PERTANIAN	66
KELUASAN BERTANAM (HA)	23.1
KELUASAN BERTUAI (HA)	22.3
KUANTITI PENGELUARAN (KG)	
KUANTITI PENGELUARAN (MT)	2,914.4
KUANTITI PENGELUARAN (BIJI)	
KUANTITI PENGELUARAN (EKOR)	
KUANTITI PENGELUARAN (LITER)	
NILAI JUALAN (RM)	3,220,309.91



TANAMAN



TERNAKAN



AKUAKULTUR



PERHUTANAN & PEMBALAKAN¹



PEGANGAN PERTANIAN MENGIKUT SUBSEKTOR

TANAMAN
633 orang
35 pertubuhan

TERNAKAN
64 orang
11 pertubuhan

PERIKANAN
303 orang
14 pertubuhan

AKUAKULTUR
20 orang
13 pertubuhan

PERHUTANAN & PEMBALAKAN
- orang
4 pertubuhan

Individu
Pertubuhan



LABUAN

PARAMETER UTAMA PERTANIAN 2023 MENGIKUT SUBSEKTOR

PEGANGAN PERTANIAN	539
KELUASAN BERTANAM (HA)	317.2
KELUASAN BERTUAI (HA)	290.5
KUANTITI PENGELUARAN (KG)	
KUANTITI PENGELUARAN (MT)	2,403.9
KUANTITI PENGELUARAN (BIJI)	
KUANTITI PENGELUARAN (EKOR)	
KUANTITI PENGELUARAN (LITER)	
NILAI JUALAN (RM)	14,790,524.45



TANAMAN



TERNAKAN



PERIKANAN



AKUAKULTUR

Individu
Pertubuhan



PUTRAJAYA

PARAMETER UTAMA PERTANIAN 2023 MENGIKUT SUBSEKTOR

PEGANGAN PERTANIAN	63
KELUASAN BERTANAM (HA)	12.2
KELUASAN BERTUAI (HA)	11.7
KUANTITI PENGELUARAN (KG)	
KUANTITI PENGELUARAN (MT)	174.0
NILAI JUALAN (RM)	1,298,990.40



TANAMAN



TERNAKAN

Nota:
Pegangan Pertanian Mengikut Subsektor merujuk kepada individu dan pertubuhan yang menjalankan lebih daripada satu jenis aktiviti pertanian.

Nota¹

- Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
- Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau / jaras / arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
- Aktiviti perhutanan dan pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan / atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.



@StatsMalaysia



PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Penduduk (juta)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024 ^P
Malaysia	30.7	31.2	31.6	32.0	32.4	32.5	32.4	32.6	32.7	33.4	34.1
W.P. Kuala Lumpur	1.7	1.8	1.8	1.8	1.8	1.8	2.0	2.0	2.0	2.0	2.1
W.P. Labuan	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
W.P. Putrajaya	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1

Negeri	Nisbah Jantina										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 ^P	2024 ^e
Malaysia	107	108	108	108	108	108	110	109	109	110	111
W.P. Kuala Lumpur	107	108	109	109	110	110	115	114	113	115	117
W.P. Labuan	105	105	105	105	105	105	106	105	105	105	105
W.P. Putrajaya	91	92	93	93	94	94	96	97	97	97	98

Negeri	Struktur Umur											
	2021			2022			2023			2024 ^e		
	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun
Malaysia	7,684.8	22,601.3	2,290.2	7,579.7	22,754.7	2,363.7	7,569.2	23,347.4	2,485.2	7,554.2	23,894.3	2,610.2
W.P. Kuala Lumpur	382.9	1,449.7	131.4	371.6	1,457.0	132.6	364.6	1,504.5	136.6	359.1	1,568.7	139.7
W.P. Labuan	26.0	65.8	4.3	26.0	66.3	4.6	26.2	68.0	4.9	26.2	69.5	5.2
W.P. Putrajaya	43.3	70.3	1.7	43.4	71.8	1.9	42.9	73.9	2.1	41.8	76.2	2.3

Negeri	Kadar Kelahiran Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Malaysia	17.8	16.7	17.2	16.7	16.1	15.9	15.5	15.1	14.5	13.5	12.9
W.P. Kuala Lumpur	15.9	14.7	15.6	14.5	14.4	13.8	13.5	13.4	11.7	10.7	10.1
W.P. Labuan	19.6	19.1	19.9	20.5	18.1	17.3	17.1	16.9	18.0	15.9	14.2
W.P. Putrajaya	40.2	37.3	37.9	34.6	30.4	28.8	24.7	22.3	19.6	18.3	15.7

Negeri	Kadar Kematian Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Malaysia	4.7	4.7	4.9	5.0	5.1	5.3	5.3	5.4	5.1	6.9	6.3
W.P. Kuala Lumpur	4.1	4.2	4.4	4.3	4.5	4.6	4.7	5.0	4.2	6.8	5.1
W.P. Labuan	2.7	2.7	2.9	2.6	2.9	2.5	2.9	3.0	3.4	5.4	4.0
W.P. Putrajaya	1.8	2.1	2.4	2.3	1.9	2.6	2.2	2.0	1.9	2.3	2.2

Negeri	Jangkaan Hayat Ketika Lahir (Lelaki & Perempuan)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 ^P	2024 ^e
Malaysia	74.5	74.6	74.4	74.4	74.6	74.8	74.7	74.0	73.8	74.0	75.2
W.P. Kuala Lumpur	76.1	76.2	76.6	76.5	76.7	76.9	76.4	75.1	75.1	75.3	76.2
W.P. Labuan	76.1	76.3	77.4	77.3	77.6	77.6	75.4	74.5	74.4	76.2	77.8
W.P. Putrajaya	71.7	72.1	72.3	72.2	73.3	73.8	74.5	74.6	74.2	74.0	74.5

Nota:
i. - Tiada kes
ii. Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berasaskan Banci 2010 dan akan disemak semula

7.0 LATAR BELAKANG WILAYAH PERSEKUTUAN

Wilayah Persekutuan ditadbir secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Wilayah Persekutuan berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia yang mempunyai Dewan Undangan Negeri. Wilayah Persekutuan terdiri daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Ketiga-tiga wilayah ini memainkan peranan penting sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara melalui pembangunan yang seimbang dan berfokus. Usaha berterusan dilaksanakan bagi merealisasikan Wilayah Persekutuan sebagai bandar yang mesra pengguna dengan memperkasakan infrastruktur ekonomi, kemudahan keselamatan serta memenuhi keperluan dan kehendak semua peringkat umur, jantina, bangsa, agama dan status sosial. Perancangan turut merangkumi pembangunan sektor pertanian bandar dan pertanian moden, khususnya bagi tujuan keterjaminan makanan dan kelestarian jangka panjang selaras dengan matlamat menjadikan Wilayah Persekutuan lebih mampan, inklusif dan berpaksaan rakyat.

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (W.P. Kuala Lumpur) merupakan bandar metropolitan dengan anggaran bilangan penduduk seramai 2.1 juta orang pada tahun 2024 yang meliputi keluasan 24,286.75 hektar. Merujuk kepada Laporan Guna Tanah Negara terbitan PlanMalaysia, tiada kategori guna tanah pertanian yang diperuntukkan secara khusus untuk W.P. Kuala Lumpur. Namun demikian, selaras dengan Dasar Teknologi Hijau, Dasar Perubahan Iklim, Rancangan Fizikal Nasional dan Rancangan Malaysia Kelima (RMKe-5), konsep pertanian bandar telah diperkenalkan secara meluas dalam menyokong kelestarian bandar serta meningkatkan keterlibatan masyarakat dalam penjagaan alam sekitar. Inisiatif ini dilaksanakan melalui pembangunan komuniti dalam bentuk pertanian bandar yang melibatkan penyertaan aktif masyarakat setempat.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif pembangunan lestari, *Local Agenda 21* Kuala Lumpur (LA21KL) telah diperkenalkan bagi mempromosikan pembangunan lestari melalui kerjasama antara pihak berkuasa tempatan, komuniti dan sektor swasta. LA21KL juga berperanan sebagai fasilitator dan penghubung antara masyarakat setempat dengan kerajaan dan juga agensi swasta dalam mengembangkan kebun komuniti di pelbagai kawasan di Kuala Lumpur. Terdapat 49 Kebun Kejiranan Bandar yang direkodkan sehingga tahun 2023 (**Lampiran 1**) di bawah LA21KL. Aktiviti LA21KL ini melibatkan persatuan penduduk, institusi pendidikan seperti sekolah di bawah seliaan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) dan organisasi seperti Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Wilayah Persekutuan Labuan (W.P. Labuan) merupakan sebuah pulau bebas cukai yang terletak di pantai barat laut Sabah, kira-kira lapan kilometer dari pesisir pantai Pulau Borneo dengan anggaran penduduk seramai 100,800 orang pada tahun 2024.

Berdasarkan kepada Laporan Guna Tanah Negara 2022 terbitan PlanMalaysia, W.P. Labuan mempunyai keluasan 9,398.72 hektar iaitu 1.42 peratus digunakan untuk pelbagai aktiviti pertanian. Walaupun peratusannya kecil, penggunaan tanah ini memberi kelebihan dari aspek kelestarian sumber makanan serta penjana ekonomi komuniti tempatan. Meskipun skala pembangunan pertanian di W.P. Labuan adalah terhad disebabkan faktor keluasan dan penempatan, pendekatan pertanian bandar semakin mendapat perhatian. Sektor pertanian di W.P. Labuan melibatkan pelbagai aktiviti, termasuk pertanian konvensional dan moden seperti rambutan, durian, pisang, sayur-sayuran serta tanaman kontan seperti jagung dan keledak. Walaupun tidak diusahakan secara besar-besaran, hasil tanaman ini dapat menyumbang kepada bekalan makanan tempatan dan menyokong pasaran kecil di pulau tersebut.

WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Wilayah Persekutuan Putrajaya (W.P. Putrajaya) dikenali dengan fungsi khasnya iaitu sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan jumlah anggaran penduduk seramai 120,300 orang pada tahun 2024. Majoriti penduduk di bandar ini merupakan Bumiputera dan sebahagian besarnya merupakan penjawat awam yang bekerja di pejabat kerajaan. Mempunyai keluasan 4,930.07 hektar berdasarkan Laporan Guna Tanah Negara 2022 terbitan PlanMalaysia, tiada kategori guna tanah pertanian yang diperuntukkan secara khusus bagi kawasan ini.

W.P. Putrajaya dibahagikan kepada 20 Presint. W.P. Putrajaya direka dengan konsep “Bandar dalam Taman” iaitu hampir 40 peratus daripada keluasannya merupakan ruang hijau, tasik buatan dan taman. Sementara itu, selebihnya adalah pejabat kerajaan, pembangunan komersial, perumahan, utiliti dan kemudahan awam. Selain dikenali dengan landskap dan seni bina terancang, W.P. Putrajaya turut menunjukkan komitmen tinggi dalam melaksanakan inisiatif pertanian bandar sebagai sebahagian daripada pendekatan kelestarian bandar. Konsep pertanian bandar telah diperkenalkan secara meluas bagi menyokong pembangunan taman komuniti untuk kelestarian bandar serta meningkatkan penglibatan komuniti dalam penjagaan alam sekitar.


Menerusi pengurusan terancang oleh Perbadanan Putrajaya, pelbagai program telah diperkenalkan untuk menggalakkan komuniti setempat menjalankan aktiviti pertanian berskala kecil yang menyokong keselamatan makanan dan kelestarian persekitaran. Program Pertanian Bandar Putrajaya (*Urban Farming*) merupakan salah satu inisiatif yang membolehkan penduduk menjalankan aktiviti bercucuk tanam di kawasan perumahan, institusi pendidikan dan ruang awam yang sesuai.

8.0 PRESTASI INDIKATOR UTAMA WILAYAH PERSEKUTUAN

8.1 Pertumbuhan Dan Sumbangan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

Berdasarkan prestasi ekonomi Malaysia pada tahun 2023, ekonomi telah berkembang secara sederhana iaitu 3.6 peratus berbanding 8.9 peratus pada tahun 2022. Prestasi ekonomi W.P. Kuala Lumpur melebihi paras nasional dengan kadar 3.7 peratus manakala W.P. Labuan pula adalah 1.9 peratus.


Paparan 20: Prestasi KDNK W.P. Kuala Lumpur & W.P. Labuan, 2022 & 2023



Nota: *Termasuk W.P. Putrajaya.

Sumber : Laporan Sosioekonomi 2023, DOSM

Paparan 21: Peratus (%) sumbangan mengikut jenis aktiviti ekonomi W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Labuan, 2023



Nota: *Termasuk W.P. Putrajaya

Sumber : Laporan Sosioekonomi 2023, DOSM

Pertumbuhan ekonomi W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2023 dipacu oleh sektor Perkhidmatan (sumbangan: 92.4%) bertumbuh 4.9 peratus, disokong oleh subsektor perdagangan borong & runcit dan makanan & minuman. Sektor Pembinaan telah

menyumbang sebanyak 4.5 peratus manakala sektor Pembuatan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang sebanyak 2.6 peratus dan 0.1 peratus. Berdasarkan komposisi tersebut, **tiada aktiviti sektor Pertanian yang direkodkan dalam KDNK di W.P. Kuala Lumpur**. Namun begitu, masih terdapat aktiviti pertanian yang dijalankan khususnya aktiviti tanaman, ternakan dan akuakultur di beberapa kawasan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Manakala, ekonomi **W.P. Labuan** mencatatkan pertumbuhan sebanyak 1.9 peratus pada tahun 2023 berbanding 4.1 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi ekonomi di W.P. Labuan disumbangkan oleh sektor Perkhidmatan iaitu sebanyak 79.1 peratus, sektor Pembuatan sebanyak 17.0 peratus serta **sektor Pertanian sebanyak 1.6 peratus**. Sektor Pertanian di W.P. Labuan bertumbuh 3.2 peratus berbanding 4.7 peratus pada tahun 2022. Prestasi ini disumbangkan oleh subsektor Perikanan dengan peningkatan 3.1 peratus berbanding 5.0 peratus pada tahun sebelumnya. Subsektor ini mendominasi 86.5 peratus sektor Pertanian W.P. Labuan. Subsektor Tanaman pula bertumbuh 3.9 peratus (2022: 3.6%), menyumbang 12.4 peratus kepada sektor Pertanian di wilayah ini.

8.2 Prestasi Perdagangan Pertanian Wilayah Persekutuan

Eksport **W.P. Kuala Lumpur** pada tahun 2023 telah mencatatkan jumlah sebanyak RM66.2 bilion. Komoditi utama pertanian yang dieksport adalah minyak kelapa sawit dengan nilai dicatat sebanyak RM3.6 bilion, diikuti produk oleokimia berasaskan kelapa sawit (RM694.8 juta) serta getah asli (RM351.0 juta). Manakala jumlah import W.P. Kuala Lumpur telah mencatatkan jumlah RM91.6 bilion. Komoditi utama yang diimport ialah jagung (termasuk jagung manis) yang bernilai RM786.2 juta, diikuti sayur-sayuran (RM609.2 juta) serta gandum belum dikilang (RM531.6 juta).

Eksport **W.P. Labuan** pada tahun 2023 mencatatkan jumlah sebanyak RM16.1 bilion. Jenis komoditi utama yang dieksport ialah udang segar atau disejukk bekukan dengan nilai RM0.8 juta. Jumlah import W.P. Labuan pada tahun 2023 mencatatkan jumlah sebanyak RM3.0 bilion. Komoditi utama pertanian yang diimport ialah gandum belum dikilang yang berjumlah RM69.4 juta, diikuti sayur-sayuran RM1.1 juta serta krustasea & moluska segar, didinginkan, disejukk bekukan atau dikeringkan berjumlah RM0.6 juta.

8.3 Guna Tenaga Pertanian, Wilayah Persekutuan

**Paparan 22: Guna Tenaga Pegangan Pertanian Keseluruhan
Wilayah Persekutuan**

	Pemilik & Rakan Niaga yang aktif	Pekerja Keluarga Tanpa Gaji	Pekerja Bergaji
	62	13	45
	736	67	471
	48	7	23

Guna tenaga dalam konteks Banci Pertanian 2024 merujuk kepada individu yang bekerja dengan pegangan pertanian, sama ada individu tersebut merupakan sebahagian daripada pegangan individu ataupun pertubuhan. Guna tenaga dalam Banci Pertanian diklasifikasikan kepada tiga kategori utama, iaitu Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, Pekerja Keluarga Tanpa Gaji dan Pekerja Bergaji.

Jumlah keseluruhan guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti Pertanian di Wilayah Persekutuan adalah seramai 1,472 orang. Daripada jumlah ini, 57.5 peratus merupakan Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, iaitu bersamaan 846 orang, manakala 539 orang atau 36.6 peratus terdiri daripada Pekerja Bergaji. Selebihnya, seramai 87 orang adalah Pekerja Keluarga Tanpa Gaji.

9.0 GUNA TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN

Laporan Guna Tanah Negara yang diterbitkan oleh PLANMalaysia merupakan rujukan utama dalam perancangan penggunaan tanah di Malaysia. Ia bertujuan untuk memastikan penggunaan tanah yang teratur, cekap dan mampan di seluruh negara. Melalui perancangan ini, pembangunan yang tidak terkawal dapat diatasi, mengelakkan pembaziran sumber, mengawal pembangunan secara tidak teratur, memastikan pembangunan yang mesra alam dan juga memenuhi keperluan masyarakat. Perancangan ini diselaraskan bagi menyokong pertumbuhan negara yang seimbang dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar serta memastikan penggunaan tanah menyumbang kepada pembangunan yang inklusif dan lestari demi kesejahteraan rakyat dan negara. Ketiga-tiga wilayah memperlihatkan pendekatan perancangan guna tanah yang berbeza. Perbezaan perancangan guna tanah ini menyumbang ke arah pembangunan negara yang seimbang, mampan dan berfungsi mengikut peranan masing-masing.

Jadual 1: Keluasan Guna Tanah W.P. Kuala Lumpur, 2022

Bil.	Guna tanah	Luas (hektar)	Peratus (%)
1.	Perumahan	6,383.91	26.29
2.	Komersial	1,948.64	8.02
3.	Industri	529.08	2.18
4.	Institusi & Kemudahan Masyarakat	3,809.75	15.69
5.	Infrastruktur dan Utiliti	671.87	2.77
6.	Pengangkutan	5,645.68	23.25
7.	Tanah Lapang dan Rekreasi	1,900.65	7.83
8.	Tanah Kosong	2,496.40	10.28
9.	Hutan	84.63	0.35
10.	Pertanian	-	-
11.	Badan Air	816.14	3.36
12.	Pantai	-	-
	Jumlah Keluasan	24,286.75	

Sumber : PLANMalaysia

Keseluruhan keluasan guna tanah di **W.P. Kuala Lumpur** adalah 24,286.75 hektar. Kategori guna tanah terbesar adalah perumahan, meliputi 6,383.91 hektar atau 26.29 peratus daripada keseluruhan kawasan. Ini menunjukkan tumpuan utama kepada penyediaan kawasan kediaman bagi menampung kepadatan penduduk yang tinggi di

ibu negara. Kategori kedua terbesar ialah pengangkutan, dengan keluasan 5,645.68 hektar (23.25%), yang merangkumi lebuh raya, jalan utama, landasan rel dan kemudahan berkaitan. Ini memperlihatkan kepentingan jaringan mobiliti yang menyokong fungsi W.P. Kuala Lumpur sebagai pusat ekonomi dan pentadbiran. Tiada kawasan yang dikategorikan secara khusus sebagai tanah pertanian atau pantai, selaras dengan ciri W.P. Kuala Lumpur sebagai bandar yang pesat membangun dan tidak berasaskan sektor pertanian.

Jadual 2: Keluasan Guna Tanah W.P. Labuan, 2022

Bil.	Guna tanah	Luas (hektar)	Peratus (%)
1.	Perumahan	1,766.47	18.79
2.	Komersial	232.33	2.47
3.	Industri	596.11	6.34
4.	Institusi & Kemudahan Masyarakat	629.39	6.70
5.	Infrastruktur dan Utiliti	121.01	1.29
6.	Pengangkutan	850.11	9.04
7.	Tanah Lapang dan Rekreasi	117.03	1.25
8.	Tanah Kosong	3,396.09	36.13
9.	Hutan	672.16	7.15
10.	Pertanian	133.16	1.42
11.	Badan Air	643.30	6.84
12.	Pantai	241.56	2.57
	Jumlah Keluasan	9,398.72	

Sumber : PLANMalaysia

Jumlah keluasan guna tanah W.P. Labuan adalah 9,398.72 hektar. Penggunaan tanah di W.P. Labuan menggambarkan keseimbangan antara pembangunan fizikal dan pemeliharaan alam sekitar, sesuai dengan kedudukan W.P. Labuan sebagai pulau yang menggabungkan fungsi komersial, pelabuhan dan pelancongan. Guna tanah perumahan pula merupakan kategori kedua terbesar dengan keluasan 1,766.5 hektar (18.8%), menunjukkan keperluan menyediakan kawasan kediaman untuk penduduk pulau tersebut. Tanah pengangkutan merangkumi 9.04 peratus atau 850.11 hektar, menunjukkan keperluan jaringan jalan dan kemudahan mobiliti bagi menyokong aktiviti harian serta perniagaan. Guna tanah bagi sektor pertanian yang direkodkan hanyalah seluas 133 hektar sahaja atau 1.42 peratus. Kategori guna tanah terbesar ialah tanah kosong, meliputi 3,396.09 hektar atau 36.13 peratus daripada keseluruhan kawasan. Ini mencerminkan potensi pembangunan masa hadapan serta perlunya strategi guna tanah yang mampan bagi mengoptimumkan sumber sedia ada.

Jadual 3: Keluasan Guna Tanah W.P. Putrajaya, 2022

Bil.	Guna tanah	Luas (hektar)	Peratus (%)
1.	Perumahan	385.95	7.83
2.	Komersial	96.98	1.97
3.	Industri	3.17	0.06
4.	Institusi & Kemudahan Masyarakat	435.92	8.84
5.	Infrastruktur dan Utiliti	363.14	7.37
6.	Pengangkutan	893.31	18.12
7.	Tanah Lapang dan Rekreasi	1,321.68	26.81
8.	Tanah Kosong	863.63	17.52
9.	Hutan	-	-
10.	Pertanian	-	-
11.	Badan Air	566.29	11.49
12.	Pantai	-	-
	Jumlah Keluasan	4,930.07	

Sumber: PLANMalaysia

Keluasan guna tanah W.P. Putrajaya meliputi keluasan 4,930.1 hektar. Sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan, taburan guna tanah W.P. Putrajaya mencerminkan ciri-ciri bandar terancang yang menitikberatkan elemen kelestarian, keindahan landskap dan keseimbangan antara pembangunan serta alam sekitar. Kategori guna tanah terbesar ialah tanah lapang dan rekreasi, merangkumi 1,321.7 hektar atau 26.8 peratus daripada keseluruhan kawasan. Ini jelas menunjukkan komitmen terhadap penyediaan ruang hijau, taman dan kemudahan riadah yang menyokong konsep bandar dalam taman serta gaya hidup sihat bagi warganya. Tiada kawasan yang diperuntukkan secara khusus untuk hutan, pertanian atau pantai, selaras dengan fungsi khas W.P. Putrajaya sebagai pusat pentadbiran yang tidak berasaskan kepada aktiviti primer.

Secara keseluruhannya, guna tanah di W.P. Putrajaya menunjukkan satu perancangan bandar yang komprehensif dan mampan dengan keseimbangan yang ketara antara keperluan fizikal, sosial dan alam sekitar. Keutamaan diberikan kepada pembangunan institusi kerajaan, kawasan hijau dan kemudahan awam yang memperkukuh imej W.P. Putrajaya sebagai bandar pintar dan berdaya huni.



WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

10.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, W.P. KUALA LUMPUR

10.1 Profil Pegangan Pertanian

Banci Pertanian 2024 merekodkan 1,756 pegangan pertanian pada tahun 2023, merangkumi 1,426 pegangan pertanian individu (81.2%) dan 330 pegangan pertanian pertubuhan (18.8%).


Paparan 23: Pegangan Pertanian, W.P. Kuala Lumpur, 2023



10.1.1 Pegangan Pertanian Individu

Lokasi aktiviti pertanian (termasuk jualan) yang dijalankan di W.P. Kuala Lumpur adalah seperti di **Rajah 9**.

Rajah 9: Peta Lokasi Pertanian mengikut Kawasan Parlimen, W.P. Kuala Lumpur, 2023



i. Jantina

Bilangan pengusaha pegangan pertanian individu bagi lelaki ialah seramai 909 orang manakala perempuan seramai 517 orang.

Jadual 4: Bilangan Pegangan Pertanian Individu Mengikut Jantina dan Umur, W.P. Kuala Lumpur, 2023

Jantina/ Umur	Lelaki	Perempuan	Jumlah
15 - 30 tahun	12	5	17
31 - 45 tahun	160	67	227
46 - 59 tahun	274	164	438
60 tahun dan ke atas	463	281	744
Jumlah	909	517	1,426


ii. Umur

Majoriti mereka yang terlibat dalam aktiviti pertanian di W.P. Kuala Lumpur ialah berumur 60 tahun dan ke atas iaitu seramai 744 orang (52.2%). Seterusnya, kumpulan umur 46 hingga 59 tahun dan 31 hingga 45 tahun yang mana masing-masing seramai 438 orang (30.7%) dan 227 orang (15.9%).

iii. Kewarganegaraan Dan Kumpulan Etnik

Pegangan pertanian dipelopori oleh Warganegara iaitu seramai 1,425 orang (99.9%). Penglibatan Etnik Bumiputera adalah paling ramai iaitu sebanyak 67.6 peratus (965 orang) diikuti oleh Cina, 29.6 peratus (422 orang), Lain-lain, 2.10 peratus (28 orang) dan India, 0.7 peratus (10 orang) seperti di **Paparan 24**.


Paparan 24: Bilangan Individu Pegangan Pertanian Mengikut Kewarganegaraan dan Etnik, W.P. Kuala Lumpur, 2023



iv. Taraf Perkahwinan

Pegangan pertanian individu yang berkahwin merupakan majoriti di W.P. Kuala Lumpur iaitu 83.2 peratus atau 1,186 orang. Ini diikuti oleh Tidak Pernah Berkahwin seramai 122 orang (8.6%) dan Balu/Duda 104 orang (7.3%).

Paparan 25: Bilangan Pegangan Individu Mengikut Taraf Perkahwinan, W.P. Kuala Lumpur, 2023



v. Sijil Tertinggi Diperolehi

Sijil tertinggi individu pegangan pertanian yang mempunyai SPM/SPM(V) atau yang setaraf adalah seramai 645 orang atau 45.2 peratus. Ini diikuti Tiada sijil seramai 219 (15.4%), Di bawah taraf kelulusan SPM/SPM(V) seramai 196 (13.7%) dan Ijazah/Diploma Lanjutan/Sarjana seramai 157 (11.0%).

Jadual 5: Bilangan Individu Pegangan Pertanian Mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, W.P. Kuala Lumpur, 2023

Sijil Tertinggi Diperoleh	Bilangan	Peratus
Doktor Falsafah (PhD)	6	0.4
Ijazah/Diploma Lanjutan/ Sarjana	157	11.0
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf	117	8.2
Diploma/ Diploma Lanjutan Dalam kemahiran khusus atau Teknikal (TVET)	40	2.8


Sijil Tertinggi Diperoleh	Bilangan	Peratus
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi Pengiktirafan atau yang setaraf	27	1.9
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET)	2	0.1
STPM atau yang setaraf	17	1.2
SPM/ SPM(V) atau yang Setaraf	645	45.2
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V)	196	13.7
Tiada sijil	219	15.4

10.2 Prestasi Pertanian Di W.P. Kuala Lumpur

10.2.1 Penemuan Keseluruhan

Subsektor tanaman merupakan aktiviti pertanian utama yang dijalankan dengan merekodkan 66 aktiviti, diikuti subsektor akuakultur iaitu 26 aktiviti, subsektor ternakan iaitu lapan aktiviti manakala empat aktiviti bagi subsektor perhutanan & pembalakan dalam kalangan pegangan pertanian individu dan pertubuhan.

Carta 10: Peratus (%) Aktiviti Pertanian mengikut Subsektor, W.P. Kuala Lumpur, 2023



10.2.2 Parameter Pertanian Bagi Subsektor Tanaman


Jumlah keluasan bertanam di W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2023 adalah seluas 23.1 hektar. Daripada jumlah tersebut, 5.6 hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 17.4 hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 22.3 hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan dengan jumlah 17.1 hektar.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor tanaman di W.P. Kuala Lumpur bagi tempoh yang dilaporkan mencatatkan sebanyak 2,914.4 tan metrik. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,746.6 tan metrik telah dijual. Nilai keseluruhan bagi subsektor ini dianggarkan berjumlah RM3,220,309.91.

Kategori tanaman lain merupakan kumpulan tanaman teratas yang mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 2,613.0 tan metrik dan kuantiti jualan tertinggi sebanyak 2,449.2 tan metrik dengan nilai mencecah RM936,781.52. Antara kategori tanaman lain seperti serai, rempah-ratus, herba dan halia. Jenis tanaman ini bukan sahaja sesuai dengan konsep

kebun bandar dan komuniti, malah mempunyai permintaan pasaran yang konsisten.

**Paparan 26: Parameter Utama Subsektor Tanaman,
W.P. Kuala Lumpur, 2023**



Ini diikuti oleh sayur-sayuran yang mencatatkan kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan masing-masing sebanyak 294.2 tan metrik dan 291.4 tan dengan nilai jualan sejumlah RM2,262,106.57. Tanaman sayur utama adalah terung, labu air atau labu manis serta cili yang lazimnya ditanam dalam sistem batas kecil atau pertanian vertikal yang bersesuaian dengan persekitaran.

Buah-buahan merekodkan nilai jualan sebanyak RM21,421.82 dengan kuantiti pengeluaran 7.2 tan metrik dan kuantiti jualan 6.0 tan metrik. Jenis buah-buahan yang paling banyak ditanam oleh pengusaha adalah pisang dan betik.

10.2.3 Parameter Pertanian Bagi Subsektor Ternakan

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di W.P. Kuala Lumpur adalah sebanyak 372 ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 280 ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 16,341 biji telur dan 200.0 liter susu segar. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 15 ribu biji telur dan 180.0 liter susu segar. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM37,414.00.


Paparan 27: Parameter Utama Subsektor Ternakan, W.P. Kuala Lumpur, 2023

Subsektor Ternakan			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran			
i. Biji	16,341	16,341	-
ii. Ekor	372	357	15
iii. Liter	200.0	200.0	-
Kuantiti Jualan			
i. Biji	15,363	15,363	-
ii. Ekor	280	272	8
iii. Liter	180.0	180.0	-
Nilai Jualan (RM)	37,414.00	29,817.00	7,597.00

10.2.4 Parameter Pertanian Bagi Subsektor Akuakultur

Subsektor akuakultur di W.P. Kuala Lumpur merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 226.6 tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 221.0 tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 85.4 juta ekor dengan 83.7 juta ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM21,367,454.00.

**Paparan 28: Parameter Utama Subsektor Akuakultur,
W.P. Kuala Lumpur, 2023**



10.2.5 Parameter Pertanian Bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan

Sektor perhutanan & pembalakan di W.P. Kuala Lumpur hanya melibatkan pertubuhan perniagaan yang ibu pejabatnya berdaftar di sini tanpa sebarang penglibatan daripada isi rumah. Aktiviti yang dijalankan merangkumi perladangan hutan bagi penghasilan kayu industri iaitu operasi pertanian tertumpu di kawasan luar seperti Gua Musang, Kelantan. Aktiviti ini memberi tumpuan kepada bekalan bahan mentah untuk sektor perkayuan negara.

Kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu direkodkan sebanyak 2,980.0 kilogram dan 1,664.0 kilogram adalah untuk tujuan jualan. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM4,492,800.00.

Paparan 29: Parameter Utama Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, W.P. Kuala Lumpur, 2023

 Subsektor Perhutanan & Pembalakan			
	 Pegangan Pertanian	 Individu	 Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran (Kilogram)	2,980.0	-	2,980.0
 Kuantiti Jualan (Kilogram)	1,664.0	-	1,664.0
 Nilai Jualan (RM)	4,492,800.00	-	4,492,800.00

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

11.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, W.P. LABUAN

11.1 Profil Pegangan Pertanian

Banci Pertanian 2024 merekodkan 766 pegangan pertanian pada tahun 2023, merangkumi 732 pegangan pertanian individu (95.6%) dan 34 pegangan pertanian pertubuhan (4.4%).


Paparan 30: Pegangan Pertanian, W.P. Labuan, 2023



11.1.1 Pegangan Pertanian Individu

Secara keseluruhannya, subsektor perikanan merupakan penyumbang utama sektor Pertanian di W.P. Labuan pada tahun 2023. Tanaman dan ternakan juga masing – masing menunjukkan sumbangan yang signifikan. Sementara itu, akuakultur beroperasi pada skala lebih kecil, dengan sumbangan lebih rendah kepada sektor pertanian secara keseluruhan. Lokasi tanah pertanian yang dikenalpasti menjalankan aktiviti jualan hasil pertanian di W.P. Labuan.

Rajah 10: Peta Lokasi Aktiviti Pertanian, W.P. Labuan, 2023



i. Jantina

Bilangan pengusaha pegangan pertanian individu bagi lelaki ialah seramai 601 orang manakala perempuan seramai 131 orang.

Jadual 6: Bilangan Pegangan Pertanian Individu Mengikut Jantina dan Umur, W.P. Labuan, 2023

Jantina/ Umur	Lelaki	Perempuan	Jumlah
15 - 30 tahun	13	2	15
31 - 45 tahun	122	23	145
46 - 59 tahun	200	51	251
60 tahun dan ke atas	266	55	321
Jumlah	601	131	732


ii. Umur

Di W.P. Labuan, majoriti yang terlibat dalam aktiviti pertanian berumur 60 tahun dan ke atas iaitu seramai 321 orang (43.8%). Seterusnya, kumpulan umur 46 hingga 59 tahun seramai 251 orang (34.3%) dan 31 hingga 45 tahun seramai 145 orang (19.8%).

iii. Kewarganegaraan dan Kumpulan Etnik

Pegangan pertanian dipelopori oleh Warganegara iaitu seramai 718 orang (98.0 %) dan selebihnya iaitu 14 orang (2.0 %) adalah Bukan Warganegara. Penglibatan Etnik Bumiputera adalah paling ramai iaitu sebanyak 88.5 peratus (636 orang) diikuti oleh Cina, 9.4 peratus (69 orang), lain-lain, 1.6 peratus (12 orang) dan India, 0.1 peratus (satu orang) seperti di **Paparan 31**.


Paparan 31: Bilangan Individu Pegangan Pertanian Mengikut Kewarganegaraan dan Etnik W.P. Labuan, 2023



iv. Taraf Perkahwinan

Pegangan pertanian individu yang berkahwin merupakan majoriti di W.P. Labuan iaitu 81.2 peratus atau 594 orang. Ini diikuti oleh Balu/Duda seramai 64 orang (8.7%) dan Tidak Pernah Berkahwin seramai 50 orang (6.8%).

Paparan 32: Bilangan Pegangan Individu Mengikut Taraf Perkahwinan, W.P. Labuan, 2023



v. Sijil Tertinggi Diperolehi

Sijil tertinggi individu pegangan pertanian yang mempunyai di bawah taraf kelulusan SPM/SPM(V) atau yang setaraf adalah seramai 484 orang atau 66.1 peratus. Ini diikuti oleh Tiada Sijil seramai 169 orang (23.1%).

Jadual 7: Bilangan Individu Pegangan Pertanian Mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, W.P. Labuan, 2023

Sijil Tertinggi Diperoleh	Bilangan	Peratus
Doktor Falsafah (PhD)	-	-
Ijazah/Diploma Lanjutan/ Sarjana	26	3.6
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf	11	1.5
Diploma/ Diploma Lanjutan Dalam kemahiran khusus atau Teknikal (TVET)	15	2.1
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan- badan yang memberi Pengiktirafan atau yang Setaraf	2	0.3
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET)	18	2.5
STPM atau yang setaraf	7	1.0
SPM/ SPM(V) atau yang Setaraf	214	29.2
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V)	270	36.9
Tiada sijil	169	23.1


11.2 Prestasi Pertanian Di W.P. Labuan

11.2.1 Penemuan Keseluruhan

Subsektor perikanan mendominasi sektor pertanian di W.P. Labuan di mana aktiviti perikanan tangkapan merekodkan jumlah kuantiti pengeluaran sebanyak 20 ribu tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM266.23 juta. Pegangan pertanian pertubuhan telah menyumbang 92.5 peratus daripada jumlah keseluruhan pengeluaran diikuti oleh pegangan pertanian individu sebanyak 7.5 peratus.

Subsektor tanaman merekodkan kuantiti pengeluaran 2.19 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM14.79 juta yang disumbangkan oleh aktiviti tanaman buah-buahan dengan jumlah kuantiti pengeluaran 1.4 ribu tan metrik dan nilai jualan RM8.79 juta.

Carta 11: Peratus (%) Pegangan Pertanian mengikut Subsektor Pertanian, W.P. Labuan, 2023



11.2.2 Parameter Pertanian Bagi Subsektor Tanaman

Subsektor tanaman di W.P. Labuan merangkumi pelbagai jenis tanaman yang memberi sumbangan kepada ekonomi tempatan. Berdasarkan data terkini yang dikumpulkan melalui Banci Pertanian 2024, keluasan bertanam keseluruhan adalah 317.2 hektar dan keluasan bertuai pula sebanyak 290.5 hektar. Manakala, kuantiti pengeluaran tanaman kekal adalah 2,403.9 ribu tan metrik dengan kuantiti jualan 2,187.3 ribu tan metrik dan nilai jualan dicatatkan sebanyak RM14.7 juta. Tiga kumpulan tanaman utama yang mencatatkan prestasi teratas dari segi keluasan bertanam, kuantiti

pengeluaran, keluasan berhasil dan nilai pengeluaran adalah sayur-sayuran, buah-buahan dan tanaman lain.

Paparan 33: Parameter Utama Subsektor Tanaman, W.P. Labuan, 2023

 Subsektor Tanaman				
   Pegangan Pertanian Individu Pertubuhan				
	Keluasan Bertanam (Hektar)	317.2	285.1	32.1
	Keluasan Bertuai (Hektar)	290.5	259.6	30.9
	Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	2,403.9	1,973.2	430.7
	Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	2,187.3	1,764.7	422.6
	Nilai Jualan (RM)	14,790,524.4	11,374,852.6	3,415,671.8

11.2.3 Parameter Pertanian Bagi Subsektor Ternakan

Jadual 10.1: Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor, Wilayah Persekutuan Putrajaya, 2023
 Table 10.1: Key Parameters for Individual Agriculture Holding by Subsector, Wilayah Persekutuan Putrajaya, 2023

Subsektor Subsector		Luas Bertanam Planted Area	Luas Bertuai Harvested Area	Kuantiti Pengeluaran Production Quantity		Kuantiti Jualan Sales Quantity		Nilai Jualan Sales Value
		(Ha)	(Ha)	(kg)	(tan metrik)	(kg)	(tan metrik)	(RM)
Tanaman Crops	Nanas Pineapple	0.28	0.28	-	9.02	-	8.85	26,111.42
	Buah-Buahan Fruits	0.94	0.91	-	8.19	-	6.82	18,466.63
	Sayur-Sayuran Vegetables	6.69	6.68	-	72.99	-	69.30	817,873.95
	Tanaman Lain Other Crops	0.46	0.46	-	15.24	-	15.14	211,629.00
Ternakan Livestocks		-	-	290.00	-	280.00	-	76,300.00

Sumber: Banci Pertanian 2024
 Source: Agriculture Census 2024

* Nota:
 1. Analisa pada 28 Mei 2025

* Notes:
 1. Analysis as at 28 May 2025

Jadual 10.2: Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Subsektor, Wilayah Persekutuan Putrajaya, 2023
 Table 10.2: Key Parameters for Establishment Agriculture Holding by Subsector, Wilayah Persekutuan Putrajaya, 2023

Subsektor Subsector		Luas Bertanam Planted Area	Luas Bertuai Harvested Area	Kuantiti Pengeluaran Production Quantity		Kuantiti Jualan Sales Quantity		Nilai Jualan Sales Value
		(Ha)	(Ha)	(kg)	(tan metrik)	(kg)	(tan metrik)	(RM)
Tanaman Crops	Nanas Pineapple	1.62	1.21	-	56.16	-	55.60	164,015.28
	Buah-Buahan Fruits	0.41	0.41	-	6.76	-	4.46	15,000.00
	Sayur-Sayuran Vegetables	0.97	0.97	-	5.60	-	3.36	35,654.12
	Tanaman Lain Other Crops	0.81	0.81	-	0.01	-	0.01	10,240.00
Ternakan Livestocks		-	-	103.00	-	103.00	-	28,360.00

Sumber: Banci Pertanian 2024
 Source: Agriculture Census 2024

* Nota:
 1. Analisa pada 28 Mei 2025

* Notes:
 1. Analysis as at 28 May 2025

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



NOTA TEKNIKAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

1. PENDAHULUAN

Banci Pertanian 2024 adalah banci keempat dilaksanakan bagi Malaysia. Banci Pertanian telah dilaksanakan pertama kalinya pada tahun 1960 melibatkan negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu dan Sarawak dan diperluaskan ke Sabah pada tahun 1961. Manakala, Banci Pertanian kedua pula telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 1977. DOSM dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perlindungan dan Komoditi telah melaksanakan banci ketiga pada tahun 2005. Selepas itu, banci tidak dilaksanakan dan penyusunan statistik pertanian dilaksanakan oleh agensi yang berkaitan untuk kegunaan masing-masing. DOSM telah diberi mandat untuk melaksanakan banci pertanian pada tahun 2023 dengan kerjasama agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Objektif pelaksanaan Banci Pertanian 2024 adalah untuk mendapatkan stok dan profil sektor pertanian yang komprehensif dan terperinci sehingga ke peringkat geografi terkecil sebagai penanda aras bagi ciri-ciri demografi dan ekonomi dalam penyediaan indikator sektor pertanian. Data banci ini boleh dijadikan sebagai input utama untuk merangka polisi sektor pertanian oleh pelbagai pihak berkepentingan dan sebagai persediaan rangka pensampelan pegangan pertanian untuk survei pertanian pada masa hadapan.

Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab untuk melaksanakan banci dan dijalankan mengikut peruntukan yang terkandung dalam Akta Banci 1960 (Disemak-1989). DOSM telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan Banci Pertanian 2024 dengan kerjasama agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Tujuan laporan ini ialah untuk membekalkan maklumat utama berkaitan sektor pertanian di peringkat negeri dan daerah pentadbiran di Malaysia.

Operasi pengumpulan data Banci Pertanian 2024 telah dilaksanakan bermula 7 Julai 2024 dan berakhir pada 10 Oktober 2024. Di samping itu, *mopping up* dilaksanakan sehingga 30 Oktober 2024. Banci Pertanian 2024 merupakan satu projek pengumpulan data yang kompleks. Oleh itu, kemungkinan berlakunya ralat liputan dan ralat kandungan tidak dapat dielakkan. Dari segi ralat liputan, sebilangan pegangan pertanian mungkin tertinggal, tersalah hitung atau berlaku duplikasi penghitungan. Ralat kandungan pula berasaskan salah lapor jantina, umur, warganegara, taraf perkahwinan dan kumpulan etnik, serta parameter keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan. Bagi menganggarkan kedua-dua ralat tersebut, gerak kerja operasi Semakan Kualiti (QC) dan Penilaian Liputan Banci (PLB) dilaksanakan selepas selesai pembancian bermula pada 1 November 2024 sehingga 31 Januari 2025.

2. KAWASAN GEOGRAFI

Banci Pertanian 2024 meliputi semua negeri di Malaysia. Setiap negeri dibahagikan mengikut daerah pentadbiran (DP) masing-masing. Bagi tujuan operasi banci, pegangan pertanian dibahagikan kepada individu dan pertubuhan. Pegangan pertanian individu adalah berasaskan tempat kediaman. Unit pembancian kecil iaitu blok penghitungan (BP) dibentuk yang mengandungi secara puratanya 80 hingga 120 tempat kediaman (TK) dan lebih kurang 80 hingga 120 BP membentuk satu daerah banci (DB). Pembanci bertanggungjawab melaksanakan pembancian ke atas TK yang telah dikenal pasti sebagai TK pertanian. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat TK pertanian yang tidak disenaraikan dalam BP tersebut, pembanci perlu membuat pembancian bagi TK berkenaan. Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, bancian dijalankan mengikut alamat pertubuhan.

Setiap negeri mempunyai beberapa Daerah Pentadbiran (DP) yang diketuai oleh seorang Timbalan Pesuruhjaya (TP). Penolong Pesuruhjaya (PP) Banci bertanggungjawab menguruskan dan menyelaraskan kerja operasi banci di DP masing-masing serta dibantu oleh Penguasa Daerah (PD) yang bertanggungjawab memantau di peringkat Daerah Banci (DB). Satu DB dipertanggungjawabkan kepada seorang PD. Walau bagaimanapun, seorang PD boleh dipertanggungjawabkan lebih daripada satu DB. Secara umumnya, seorang penyelia bertanggungjawab menyelia lima pembanci.

Organisasi banci di peringkat negeri dan kawasan geografi untuk tujuan banci adalah seperti berikut:

Jawatan	Kawasan Dipertanggungjawabkan
Timbalan Pesuruhjaya	Negeri
Penolong Pesuruhjaya	Daerah Pentadbiran
Penguasa Daerah	Daerah Banci
Penyelia	Blok Penghitungan
Pembanci	Blok Penghitungan

3. PENDEKATAN BANCİ

3.1 Secara bersemuka - *Paper and Pen Interview (PAPI)*

Pembanci akan melawat TK untuk melakukan proses temu ramah secara bersemuka kepada responden dan mencatatkan maklumat yang diperolehi di dalam borang soal selidik.

3.2 Pendekatan bagi Pegangan Pertanian

- i. Pegangan Pertanian Individu - mengikut tempat tinggal biasa responden; dan
- ii. Pegangan Pertanian Pertubuhan - menggunakan alamat lokasi pertubuhan berada.

3.3 Parameter Banci

Maklumat aktiviti pertanian dikumpul berdasarkan alamat lokasi aktiviti dijalankan bagi tujuan pengeluaran pertanian/ hasil pertanian. Maklumat yang dikumpul adalah merujuk kepada tahun rujukan 2023 iaitu daripada 1 Januari sehingga 31 Disember 2023. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pengiraan stok ternakan di bawah subsektor ternakan, bilangan ternakan merujuk kepada Hari Banci iaitu 7 Julai 2024.

4. LIPUTAN BANCİ

Banci ini meliputi individu dan pertubuhan pertanian **merangkumi empat subsektor seperti Tanaman, Ternakan, Perikanan Tangkapan & Akuakultur dan Perhutanan & Pembalakan** yang menjalankan aktiviti pertanian bagi tujuan pengeluaran seperti berikut:

- i. Keseluruhan pengeluaran untuk jualan;
- ii. Tujuan utama pengeluaran untuk jualan dan sampingan untuk kegunaan sendiri; atau
- iii. Tujuan utama pengeluaran untuk kegunaan sendiri dan sampingan untuk jualan.

Pertubuhan pertanian termasuklah yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM – ROB & ROC), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), *Registrar of Societies* (ROS) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Manakala pegangan pertanian yang **TIDAK DİLIPUTI** dalam Banci Pertanian 2024 adalah:

- i. Keseluruhan pengeluaran untuk sara diri (kegunaan sendiri);
- ii. Aktiviti pertanian sebagai hobi (contoh: memancing);
- iii. Rekreasi dalam sektor pertanian;
- iv. Pekerja sektor pertanian; dan
- v. Individu yang memiliki tanah pertanian tetapi tidak mengusahakannya atau disewa/ dipajak kepada pihak lain.

5. LIPUTAN INDUSTRI

Banci Pertanian ini menggunakan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008, *Version 1.0* (Seksyen A) selaras dengan *International Standard Industrial Classification*

(ISIC) *Version 4* yang dikeluarkan oleh United Nations Statistics Division (UNSD). Liputan MSIC 2008 ini telah dikemaskini bagi menyesuaikan liputan seperti berikut:

Jadual 1: Bilangan Industri Mengikut Subsektor Pertanian

SUBSEKTOR/ AKTIVITI	BILANGAN INDUSTRI
PERTANIAN	189
Tanaman	76
Ternakan	27
Perhutanan & Pembalakan	28
Perikanan Tangkapan & Akuakultur	37
Pertanian Campuran	4
Aktiviti Perkhidmatan Pertanian	17
PERKHIDMATAN	8
Aktiviti Ibu Pejabat	8

Kumpulan industri (017) pemburuan, penjeratan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan tidak diliputi dalam Banci Pertanian 2024.

6. SUMBER RANGKA

Sumber maklumat utama statistik isi rumah adalah daripada *Malaysia Statistical Address Register* (MSAR), manakala senarai pertubuhan pula daripada *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR). MSAR adalah senarai tempat kediaman (TK) di Malaysia, manakala MSBR adalah senarai pertubuhan/ perusahaan yang beroperasi di Malaysia yang merangkumi Daftar Syarikat (ROC), Daftar Perniagaan (ROS) dan Perkongsian Liabiliti Terhad (LLP) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta pertubuhan yang berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan dan badan profesional. Senarai di MSAR dan MSBR dikemaskini secara berkala berdasarkan survei dan bancian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan sumber data pentadbiran daripada agensi lain.

Sumber utama data pentadbiran adalah daripada SSM. Selain itu, DOSM juga bekerjasama untuk mendapatkan maklumat terkini daripada agensi lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Hutan Sarawak, pihak berkuasa tempatan dan badan profesional. Senarai dikemaskini untuk mengambil kira pertubuhan baharu dan merekod sebarang

perubahan yang berlaku kepada pertubuhan tersebut seperti tutup, tidak beroperasi, perubahan jenis aktiviti dan lokasi/ alamat pos bagi memastikan maklumat yang terdapat dalam rangka adalah yang terkini.

7. KONSEP DAN DEFINISI

Konsep dan definisi dalam pelaksanaan Banci Pertanian 2024 berasaskan syor *International Recommendations for Industrial Statistics, United Nations Statistical Division, Statistical Papers, Series M No. 90, United Nations, New York, 2009* dan *Food and Agriculture Organization (FAO)*. Konsep dan definisi yang seragam membolehkan perbandingan data dibuat di peringkat antarabangsa.

7.1 Takrif Pertanian

Pertanian merangkumi aktiviti penanaman, pemeliharaan dan penternakan haiwan dan pengeluaran produk haiwan, penebangan kayu balak dan tanaman lain, serta perikanan tangkapan dan akuakultur termasuk penggunaan sumber semulajadi tumbuh-tumbuhan dan haiwan (MSIC 2008, kemaskini 2024). Terdapat empat subsektor iaitu tanaman, ternakan, perhutanan & pembalakan dan perikanan.

7.1.1 **Tanaman** merujuk kepada penanaman dan pengeluaran produk tanaman termasuk pertanian organik. Tanaman juga meliputi penanaman tanaman tidak kekal dan kekal merangkumi penanaman tumbuh- tumbuhan untuk tujuan pengeluaran benih.

7.1.2 **Ternakan** merujuk kepada binatang atau unggas yang dipelihara untuk tujuan komersil dan pembiakbakaan. Pengeluaran ternakan termasuk penternakan (ladang) dan pembiakan semua haiwan serta pengeluaran daripada hasil ternakan seperti telur, susu, madu dan sebagainya;

7.1.3 **Perikanan tangkapan** merujuk kepada aktiviti penangkapan, pemungutan dan pengumpulan organisma hidupan akuatik liar seperti ikan, moluska dan krustasia, termasuk tumbuhan yang terdapat di perairan air tawar atau air masin bagi tujuan komersial;

7.1.4 **Akuakultur** merujuk kepada proses pengeluaran yang melibatkan pengkulturan (termasuk tuaian) organisma akuatik (ikan, moluska, krustasia, tumbuhan, buaya, aligator dan amfibia) menggunakan teknik yang direka bentuk untuk meningkatkan pengeluaran organisma tersebut melebihi kapasiti persekitaran semulajadi (contoh: stok biasa, pemberian makanan dan perlindungan dari pemangsa). Ia terdiri daripada empat jenis iaitu air payau, air tawar, ikan hiasan dan baka & benih; dan

7.1.5 **Perhutanan dan pembalakan** termasuk pengeluaran kayu balak untuk industri berasaskan kayu, meliputi pengestrakan dan pengumpulan produk hutan bukan kayu yang tumbuh liar. Selain pengeluaran kayu balak, aktiviti perhutanan yang menghasilkan produk melalui proses minima seperti kayu api, kayu arang, reja kayu dan kayu balak yang digunakan dalam bentuk yang belum diproses. Aktiviti ini boleh dijalankan dalam hutan asli dan ladang hutan. Ia juga termasuk sebahagian daripada aktiviti operasi perhutanan berdasarkan bayaran atau secara kontrak.

7.2 Pegangan Pertanian

Pegangan Pertanian secara ideal ditakrifkan sebagai satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal untuk tujuan pengeluaran pertanian tanpa mengambil kira hak milik, taraf sah atau saiz tanah. Pegangan Pertanian terdiri daripada **dua kategori** iaitu **individu** dan **pertubuhan perniagaan**. Maklumat untuk profil pegangan pertanian merujuk kepada lokasi tempat kediaman atau lokasi pertubuhan perniagaan.

7.3 **Pegangan Pertanian Individu** adalah seseorang yang menjalankan aktiviti sebagai pengusaha bagi tujuan pengeluaran tanaman, ternakan, perikanan, akuakultur dan/ atau pembalakan & perhutanan. Contoh, pengusaha yang menjalankan aktiviti pertanian adalah seperti berikut:

- i. Petani/ Peladang/ Pesawah - individu yang mengusahakan tanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman ladang (kelapa sawit, getah, koko, kelapa, nanas dan lada) dan tanaman lain.
- ii. Nelayan - individu yang mendapat pendapatan melalui aktiviti menangkap ikan di laut, tasik atau di sungai. Nelayan terdiri daripada tekong dan pemilik (tidak termasuk awak-awak).
- iii. Penternak akuakultur - individu yang mengusahakan aktiviti akuakultur untuk tujuan komersial. Aktiviti akuakultur merujuk kepada proses pengeluaran yang melibatkan pengkulturan termasuk tuaian organisma akuatik (ikan, moluska, krustasia, tumbuhan, buaya, aligator dan amfibia) menggunakan teknik yang direkabentuk untuk meningkatkan pengeluaran organisma tersebut melebihi kapasiti persekitaran semulajadi (sebagai contoh, stok biasa, pemberian makanan dan perlindungan daripada pemangsa).

- iv. Penternak - individu yang memiliki, memelihara dan/ atau membiak ternakan untuk tujuan komersial seperti unggas, lembu termasuk hasil ternakan seperti telur, susu, madu dan sebagainya.

7.4 Pertubuhan Perniagaan ditakrifkan sebagai:

“Satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah yang menjalankan satu atau beberapa aktiviti di suatu tempat/ lokasi fizikal”. Setiap pertubuhan dikelaskan mengikut industri berdasarkan aktiviti utama dan bukannya mengikut aktiviti syarikat induk.

Setiap cawangan organisasi yang mempunyai beberapa cawangan di lokasi berlainan dari segi konsep dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan. Pertubuhan berkenaan diminta memberikan penyata yang berasingan bagi setiap kegiatannya dari segi nilai. Walau bagaimanapun, dari segi praktis akaun biasanya disediakan secara berpusat kerana kesukaran untuk memperoleh data yang berasingan bagi setiap unit atau cawangan. Entiti atau ‘enterprise’ ini akan dianggap sebagai satu unit pelapor dan dibenarkan mengemukakan soal selidik yang menggabungkan semua unit atau cawangannya.

Dalam penyusunan parameter pertanian, pertubuhan pertanian dirujuk sebagai pegangan pertanian pertubuhan dan boleh terdiri daripada syarikat; badan bukan kerajaan (NGO); institusi seperti masjid, sekolah dan penjara; persatuan yang menjalankan aktiviti pertanian bagi tujuan jualan.

8. TAHUN BANCİ

Tahun banci adalah merujuk kepada tahun pelaksanaan banci. Banci Pertanian dilaksanakan pada **tahun 2024**.

9. TAHUN RUJUKAN

Tahun rujukan bagi maklumat yang dikumpul dalam banci ini merujuk kepada tahun rujukan aktiviti pertanian mengikut tahun takwim iaitu **tahun 2023**. Pertubuhan yang mempunyai tahun kewangan yang berbeza daripada tahun takwim perlu menyediakan laporan mengikut tahun perakaunan atau kewangan yang meliputi sekurang-kurangnya enam bulan dalam tahun rujukan.

10. UNIT PELAPOR

Unit pelapor bagi Banci Pertanian 2024 adalah **pegangan pertanian individu** dan **pegangan pertanian pertubuhan** yang menjalankan aktiviti pertanian.

11. LOKASI PEGANGAN PERTANIAN

Lokasi pegangan pertanian merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian individu berdasarkan kepada tempat kediaman biasa, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan berdasarkan alamat pertubuhan berada berdasarkan pendaftaran syarikat.

12. LOKASI AKTIVITI

Lokasi aktiviti merujuk kepada lokasi aktiviti pertanian dijalankan. Satu pegangan pertanian individu atau pegangan pertanian pertubuhan boleh menjalankan satu/ lebih aktiviti pertanian di lokasi yang sama atau di lokasi yang berlainan.

13. KELUASAN BERTANAM

Luas Bertanam sesuatu tanaman adalah berasaskan kepada Luas Bertanam Tanaman Setara (CHE). Luas Bertanam Tanaman Setara untuk tanaman kekal diperolehi melalui pengiraan jumlah bilangan pokok di dalam sesuatu lot dibahagikan dengan bilangan pokok yang disyorkan sehektar bagi tanaman tersebut. Bagi tanaman jangka pendek, Luas Bertanam Tanaman Setara ialah jumlah luas bertanam yang ditanam beberapa kali setahun di atas kawasan yang sama. Luas Bertanam tanaman merangkumi semua kawasan pertanian di Malaysia termasuk di sektor pekebun kecil (individu dan kelompok), estet seperti FELDA, FELCRA, RISDA, Rancangan Negeri, Jabatan/ Agensi Kerajaan dan lain-lain skim pembangunan pertanian.

14. KELUASAN BERTUAI

Keluasan bertuai menggunakan konsep yang sama dengan Luas Berhasil Tanaman Setara (CHE). Luas Berhasil Tanaman Setara untuk tanaman kekal diperolehi melalui pengiraan jumlah bilangan pokok yang di tuai di dalam sesuatu lot dibahagikan dengan bilangan pokok yang disyorkan sehektar bagi tanaman tersebut. Bagi tanaman jangka pendek, Luas Berhasil Tanaman Setara ialah jumlah luas berhasil yang dituai beberapa kali setahun di atas kawasan yang sama. Luas berhasil tanaman merangkumi semua kawasan pertanian di Malaysia termasuk di sektor pekebun kecil (individu dan kelompok), estet seperti FELDA, FELCRA, RISDA, Rancangan Negeri, Jabatan/ Agensi Kerajaan dan lain-lain skim pembangunan pertanian.

15. KELUASAN TERNAKAN AKUAKULTUR

Keluasan ternakan akuakultur merujuk kepada luas kawasan yang digunakan untuk ternakan (*effective area*) mengikut jenis sistem ternakan bagi hidupan akuatik seperti ikan, udang dan moluska. Di Malaysia, jenis sistem ternakan akuakultur boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk seperti kolam tanah, kolam konkrit, tangki, sangkar, kandang, hatcheri/ nurseri, rumpai laut, tumbuhan akuatik, kerang-kerangan dan lain-lain.

16. KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran merujuk kepada jumlah pengeluaran aktiviti pertanian yang boleh dikeluarkan untuk tujuan jualan. Kuantiti pengeluaran juga merujuk kepada kuantiti yang rosak selepas dikeluarkan tetapi belum dijual/ diproses/ diguna sendiri, digunakan untuk proses menjadi hasil pertanian dan kegunaan sendiri individu/ pertubuhan.

16.1 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman

Merujuk kepada jumlah pengeluaran aktiviti tanaman kekal dan tidak kekal. Tanaman kekal merujuk kepada aktiviti tanaman yang melibatkan tempoh masa yang lebih panjang dan boleh menghasilkan hasil sepanjang tahun atau untuk beberapa tahun. Jenis tanaman adalah dalam bentuk komoditi, seperti kelapa sawit, getah, koko, lada dan kelapa. Tanaman tidak kekal merujuk kepada aktiviti tanaman yang melibatkan tempoh masa yang pendek dan hanya satu atau dua musim sahaja. Jenis tanaman adalah seperti sayur sayuran dan aktiviti tanaman industri.

16.2 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan

Merujuk kepada bilangan yang dikeluarkan daripada aktiviti ternakan termasuk kuantiti ternakan atau hasil ternakan yang rugi, kuantiti untuk diproses, kuantiti untuk kegunaan sendiri dan kuantiti yang dijual. Kuantiti pengeluaran meliputi binatang yang digunakan untuk tujuan sembelihan, baka dan ternakan belum matang seperti anak ayam/ kambing/ lembu untuk peliharaan; kuantiti hasil ternakan seperti telur, susu segar, madu dan sarang burung.

16.3 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan

Merujuk kepada kuantiti bagi jumlah tangkapan/ pendaratan ikan.

16.4 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur

Merujuk kepada jumlah pengeluaran akuakultur.

16.5 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perhutanan dan Pembalakan

Merujuk kepada kuantiti pengeluaran aktiviti pengusaha hasil hutan yang diukur dalam unit kilogram bagi pengeluaran hasil hutan bukan kayu yang tumbuh liar seperti pengumpulan rotan, buluh; pemungutan sarang burung; pengumpulan pokok sagu liar; dan pengumpulan produk hutan bukan kayu seperti damar, buah berangan, buah kerdas, buah keranji, petai, daun bertam, daun nipah, daun kajang, minyak keruing, lilin lebah dan madu, nira, pucuk midin, rebung dan

lain-lain. Manakala bagi pengeluaran aktiviti berasaskan kayu merujuk kepada pengeluaran kayu balak; pengeluaran arang kayu dalam hutan yang menggunakan kaedah tradisional; pembalakan kayu getah; dan ladang hutan/ nurseri yang diukur dalam unit meter padu.

17. KUANTITI JUALAN

Kuantiti jualan adalah kuantiti pengeluaran daripada aktiviti pertanian yang digunakan untuk tujuan jualan dan nilainya kurang atau sama dengan kuantiti pengeluaran.

18. NILAI JUALAN

Nilai jualan merujuk kepada jumlah pendapatan yang diperoleh daripada jualan aktiviti pertanian berdasarkan kuantiti dan harga semasa penjualan tersebut dilaksanakan:

Nilai Jualan = Kuantiti Jualan x Harga Semasa.

19. KLASIFIKASI PENJADUALAN

Bagi subsektor Ternakan, kategori penjadualan dikelaskan seperti berikut:

19.1 Lembu/ Kerbau

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan lembu dan ternakan kerbau;

19.2 Kambing/ Bebiri

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan kambing dan ternakan bebiri;

19.3 Babi

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan babi;

19.4 Ayam/ Itik

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan ayam dan ternakan itik;

19.5 Lain-lain Ternakan

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan alpaca, anak ayam, angsa, anjing, arnab, ayam belanda, ayam hiasan, ayam mutiara, ayam selasih, biawak, black soldier fly larva, buaya, burung, cacing, capybara, cengkerik, dhab, gecko, hamster, iguana, kala jengking, kancil, kera, koloni kelulut, kucing, kuda, kura-kura, landak, lipas, monyet, pelanduk, puyuh, rusa, tikus, tupai, ular, unta dan wallaby;

19.6 Telur Ayam/ Itik

Melibatkan aktiviti penjualan hasil ternakan telur ayam dan telur itik;

19.7 Susu Segar

Melibatkan aktiviti penjualan hasil ternakan susu lembu, susu kambing dan susu kerbau; dan

19.8 Lain-lain Hasil Ternakan

Melibatkan aktiviti penjualan hasil ternakan telur angsa, telur puyuh, telur burung, sarang burung walet dan madu/ kelulut.

20. KEWARGANEGARAAN

Maklumat berkaitan kewarganegaraan adalah berdasar kepada pengenalan diri atau jawapan yang diberi oleh responden.

Maklumat kewarganegaraan harus digunakan dengan berhati-hati kerana ianya tertakluk kepada ralat kandungan dan liputan terutamanya bagi bukan warganegara.

21. KUMPULAN ETNIK

Untuk tujuan penjadualan dan analisis, klasifikasi kumpulan etnik adalah berasaskan klasifikasi seperti berikut:

Warganegara Malaysia
Bumiputera
Cina
India
Lain-lain

Maklumat kumpulan etnik termasuk kewarganegaraan yang dikutip semasa banci adalah berdasarkan kepada perakuan responden dan tidak merujuk kepada sebarang dokumen rasmi.

22. KUMPULAN UMUR

Umur adalah berdasarkan hari lahir terakhir pada hari lawatan. Untuk tujuan penjadualan dan analisis, klasifikasi kumpulan umur adalah seperti berikut:

- i. 15 – 30 tahun;
- ii. 31 – 45 tahun;
- iii. 46 – 59 tahun; dan
- iv. 60 tahun dan ke atas.

23. SIJIL TERTINGGI DIPEROLEH

Individu dikategorikan mengikut tahap kelayakan tertinggi kepada empat peringkat iaitu Tertiar, Menengah, Rendah dan Tiada Sijil. Tahap Tertiar melibatkan pemegang ijazah kedoktoran (PhD), ijazah, diploma lanjutan, serta sijil kemahiran teknikal (TVET) dari institusi diiktiraf. Tahap Menengah merangkumi mereka yang memiliki STPM atau SPM/ SPM(V) atau setaraf. Tahap Rendah pula terdiri daripada individu dengan kelulusan di bawah SPM, manakala Tiada Sijil merujuk kepada mereka tanpa sebarang kelulusan rasmi. Sijil tertinggi diperoleh merujuk kepada sijil pendidikan tertinggi diperoleh seperti berikut:

i. Doktor Falsafah (PhD)

Merujuk kepada ijazah kedoktoran yang diperoleh daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di dalam dan luar negara yang diiktiraf.

ii. Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana

Merujuk kepada Ijazah Sarjana Muda, Diploma Lanjutan, Diploma/ Sijil Pasca Ijazah, Diploma/ Sijil daripada badan profesional atau yang setaraf dengannya yang diperoleh dari IPTA dan IPTS di dalam dan luar negara yang diiktiraf. Contoh, Diploma lanjutan, Diploma Sebaran Am dan kelulusan setaraf dengan ijazah seperti:

- a. Diploma/ sijil pasca ijazah; dan
- b. Diploma/ sijil dari badan professional.

iii. Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf

Merujuk kepada diploma yang diperoleh dari politeknik, universiti, kolej atau yang setaraf. Contoh, Diploma Kejururawatan, Diploma Perguruan, Diploma Kesihatan Bersekutu, Diploma Perancang Bandar dan Ukur, Diploma Senibina, Diploma Sains Komputer & Teknologi Maklumat dan Diploma Pengajian Perniagaan.

iv. Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET)

Merujuk kepada Diploma atau Diploma Lanjutan atau *Higher National Diploma* (HND) bagi kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh daripada institusi latihan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (Diploma Kemahiran Malaysia, Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan LCCI (Tahap 3 dan 4). Contoh, Diploma atau Diploma Lanjutan atau HND bagi kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh daripada Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Advanced Technology Training Centre (ADTEC), State Skill Development Centre (TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dan lain-lain) dan kolej swasta yang berkenaan.

v. Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-Badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf

Merujuk kepada sijil yang diperoleh daripada politeknik, universiti, kolej, badan yang memberi pengiktirafan contoh, *Construction Industry Development Board* (CIDB) atau yang setaraf. Contoh sijil, Sijil Kejururawatan, Sijil Perguruan, Sijil Kesihatan Bersekutu, Sijil Perancang Bandar dan Ukur, Sijil Senibina, Sijil Sains Komputer & Teknologi Maklumat dan Sijil Pengajian Perniagaan.

vi. Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET)

Merujuk kepada sijil kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh dari institusi latihan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK)/Jabatan Pembangunan Kemahiran (Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Institut Pertanian, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan LCCI (Tahap 2). Contoh, sijil kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh dari Institut Kemahiran Mara (IKM), Institut Pertanian, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kolej Komuniti, *State Skill Development Centre* contoh, TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dan lain-lain atau kolej swasta yang berkenaan. Kategori ini tidak termasuk sijil yang diperoleh daripada GIAT MARA, politeknik, universiti atau yang setaraf.

vii. Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau yang setaraf

Merujuk kepada sijil yang dikeluarkan oleh Kolej Komuniti, Politeknik, Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Belia Negara, Kolej Swasta serta agensi lain yang mengkhusus kepada Pendidikan dan TVET.

viii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ SPM (V) atau yang setaraf

Merujuk kepada kelayakan SPM/ SPM(V)/ MCE atau peperiksaan setaraf dengannya seperti GCE 'O' Level.

ix. Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V)

Merujuk kepada kelayakan seperti PMR/ SRP/ LCE, tamat sekolah rendah atau di bawah taraf kelulusan yang dinyatakan.

x. Tiada sijil

Tiada sijil yang diperoleh.

24. PRODUKTIVITI TANAMAN

Produktiviti tanaman ditakrifkan sebagai hasil tuaian tanaman bagi setiap unit keluasan tanah yang diusahakan.

25. SIMBOL DAN SINGKATAN

-	: tiada data
0	: nilai kurang daripada 0.5
0.0	: nilai kurang daripada 0.05
≠	: tidak sama dengan
n.a.	: tidak berkenaan
&	: dan
%	: peratus
dll	: dan lain-lain
RM	: Ringgit Malaysia
t.t.t.l	: tidak terkelas di tempat lain
W.P.	: Wilayah Persekutuan
ha	: hektar
kg	: kilogram
mm	: milimeter
cm	: sentimeter
m ²	: meter persegi
m ³	: meter padu
mt	: tan metrik
samb.	: sambungan

NGO	: Badan Bukan Kerajaan
BP	: Blok Penghitungan
CIDB	: <i>Construction Industry Development Board</i>
DB	: Daerah Banci
DP	: Daerah Pentadbiran
ROS	: Daftar Perniagaan
ROC	: Daftar Syarikat
TVET	: Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal
PhD	: Doktor Falsafah
FELDA	: <i>The Federal Land Development Authority</i>
FELCRA	: Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan
FAO	: <i>Food and Agriculture Organization</i>
HND	: <i>Higher National Diploma</i>
IPTA	: Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	: Institusi Pengajian Tinggi Swasta
IKTBN	: Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara
DOSM	: Jabatan Perangkaan Malaysia
KPM	: Kementerian Pendidikan Malaysia
KPK	: Kementerian Perlombongan dan Komoditi
KPKM	: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KKTM	: Kolej Kemahiran Tinggi MARA
KWSP	: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LHDN	: Lembaga Hasil Dalam Negeri
CHE	: Luas Bertanam Tanaman Setara
MARA	: Majlis Amanah Rakyat
MSAR	: <i>Malaysia Statistical Address Register</i>
MSBR	: <i>Malaysia Statistical Business Register</i>
PAPI	: <i>Paper and Pen Interview</i>
PD	: Penguasa Daerah
PLB	: Penilaian Liputan Banci
PP	: Penolong Pesuruhjaya
LLP	: Perkongsian Liabiliti Terhad
PERKESO	: Pertubuhan Keselamatan Sosial
MSIC	: Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia
PBT	: Pihak Berkuasa Tempatan
PMR	: Penilaian Menengah Rendah
ROS	: <i>Registrar of Societies</i>
RISDA	: <i>Rubber Industry Smallholders Development Authority</i>
QC	: Semakan Kualiti
SPM	: Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	: Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SKM	: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

SSM : Suruhanjaya Syarikat Malaysia
 TK : Tempat Kediaman
 TP : Timbalan Pesuruhjaya
 UNSD : United Nations Statistics Division



PENGHARGAAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

TERIMA KASIH



TERIMA KASIH



TERIMA KASIH



TERIMA KASIH



TERIMA KASIH



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



LAMPIRAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

LAMPIRAN 1

**SENARAI 49 KEBUN DI BAWAH PROJEK KEBUN KEJIRANAN BANDAR LOCAL
AGENDA 21 (LA21KL) (YANG DIREKODKAN SEHINGGA TAHUN 2023)**

BIL.	LOKASI
1.	PA SERI TERENGGANU
2.	PPR BERINGIN
3.	SEKOLAH KEBANGSAAN BANDAR BARU SENTUL
4.	SK SENTUL 1
5.	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BATU MUDA
6.	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LA SALLE SENTUL
7.	SEKOLAH KEBANGSAAN K ST MARY
8.	DIGNITY FOR CHILDREN FOUNDATION
9.	PPR SERI SEMARAK
10.	PA SRI PERLIS 2
11.	LORONG KIRI 12 KG DATUK KERAMAT
12.	SK JALAN PASAR 1
13.	SK SETAPAK
14.	SMK ST GABRIEL
15.	SEKOLAH KEBANGSAAN JALAN AYER PANAS
16.	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PUTERI WILAYAH
17.	SJKT JALAN FLETCHER
18.	SEKOLAH KEBANGSAAN SETIAWANGSA
19.	PERSATUAN PENGUSAHA TASKA BERDAFTAR WP
20.	KEBUN BANDAR SUNGAI BUNUS (KBSB)
21.	PPR WANGSA SARI/DAMAI SARI
22.	PPR GOMBAK SETIA (BLOK 41)
23.	KRT TAMAN SETAPAK INDAH
24.	PERSATUAN KEBAJIKAN PENDUDUK ISLAM TAMAN SETAPAK INDAH
25.	PANGSAPURI MUTIARA MAGNA
26.	SUNWAY SPK DAMANSARA
27.	TTDI EDEBLE GARDEN
28.	D'KEBUN SUNGAI PENCHALA
29.	SMK SRI HARTAMAS
30.	KOLEJ DESA MAHKOTA
31.	SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT DAMANSARA
32.	PERMUAFAKATAN IBU BAPA PRIHATIN SENTUL KUALA LUMPUR
33.	PPR HILIRAN AMPANG
34.	PEMADAM(PERLIMEN TITIWANGSA)
35.	PPR SRI CEMPAKA (BELIA SRI CEMPAKA)
36.	PPR KERINCHI (BLOK C)
37.	BAYVIEW COURT 1D
38.	SMK SERI SENTOSA

BIL.	LOKASI
39.	PPR KG. MUHIBBAH
40.	PPR RAYA PERMAI
41.	HAPPY GARDEN COMMUNITY
42.	PA SERI SABAH 3A
43.	PA SRI JOHOR 4A
44.	PPR TAMAN MULIA
45.	KAMPUNG MALAYSIA TAMBAHAN
46.	PERSATUAN PENDUDUK RUMAH PANJANG IKAN EMAS
47.	PA SRI SARAWAK
48.	KELAB KEBUN BANDAR DBKL (KEKEBUN)
49.	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI MUTIARA

LOCAL AGENDA 21 KUALA LUMPUR (LA21KL)

Local Agenda 21 Kuala Lumpur (LA21KL) merupakan satu program pembangunan mampan tempatan yang dilaksanakan selaras dengan Deklarasi Rio 1992. Di peringkat tempatan, LA21KL dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) melalui pendekatan kerjasama tiga pihak iaitu antara kerajaan, komuniti dan sektor swasta. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengambil langkah proaktif dalam melaksanakan inisiatif LA21KL dengan tumpuan kepada pengurusan alam sekitar, kesejahteraan komuniti dan pembangunan lestari bandar. Salah satu komponen penting di bawah pelaksanaan ini ialah Program Pertanian Bandar, yang menyokong prinsip kelestarian melalui penghasilan makanan sendiri oleh komuniti bandar.

LA21KL merupakan satu inisiatif pembangunan mampan yang diterajui oleh DBKL dengan penglibatan aktif pelbagai pihak termasuk komuniti setempat, institusi pendidikan, agensi kerajaan, sektor swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Salah satu fokus utama inisiatif ini adalah mempromosikan pertanian bandar (urban farming) sebagai usaha memperkukuh keselamatan makanan bandar, memulihara alam sekitar serta menggalakkan penglibatan komuniti dalam pembangunan hijau dan lestari.

Program Pertanian Bandar oleh DBKL dilaksanakan melalui kerangka LA21KL dengan menumpukan kepada kebun komuniti, kebun vertikal, dan penggunaan teknologi hijau dalam pertanian. Pendekatan ini memberi peluang kepada penduduk bandar untuk menanam sayur-sayuran, herba dan buah-buahan secara lestari di kawasan perumahan masing-masing. Jenis-jenis Pertanian Bandar di Kuala Lumpur meliputi;

- Kebun Komuniti (atas tanah);
- Kebun Menegak (vertical farming) – di ruang sempit dan struktur bangunan;
- Hidroponik dan Aquaponik – teknologi pertanian moden tanpa tanah;
- Kebun Sekolah dan Institusi – penglibatan pelajar dan kakitangan; dan

- Pertanian Atas Bumbung (rooftop gardening) – di bangunan tinggi dan PPR.

Komitmen DBKL dalam memperkasa komuniti melalui sokongan teknikal dan fasilitasi membentuk asas penting ke arah pembangunan bandar yang inklusif. Program DBKL ini membuktikan bahawa bandar raya seperti Kuala Lumpur masih berupaya menyokong aktiviti pertanian berskala kecil. Antara sokongan yang padu oleh DBKL, dalam menjayakan inisiatif ini dengan menyediakan keperluan asas dan bantuan teknikal antaranya meliputi;

- Penyediaan tapak dan kemudahan asas seperti paip air dan pagar;
- Bantuan teknikal dan latihan pertanian oleh Jabatan Pertanian dan NGO;
- Program pendidikan kesedaran dan gotong-royong komuniti; dan
- Insentif pengiktirafan seperti Anugerah Kebun Komuniti Terbaik.

Berdasarkan maklumat dari Unit LA21KL, DBKL terdapat 32 lokasi kebun komuniti yang berdaftar di bawah inisiatif ini. Namun begitu, hasil banci mendapati 15 Kebun Komuniti yang dikenali menjalankan aktiviti jualan hasil pertanian dan lokasi adalah seperti berikut :

BILANGAN DAN LOKASI KEBUN KOMUNITI

BIL.	LOKASI
1.	FLAT SRI JOHOR
2.	FLAT TAMAN WILAYAH FASA 4
3.	KEBUN KELAB BUMI HIJAU, SRI PENARA
4.	PA SERI SARAWAK
5.	PA SERI TERENGGANU
6.	PA SRI SABAH 3A
7.	PANGSAPURI MUTIARA MAGNA
8.	PPR BATU MUDA
9.	PPR BERINGIN
10.	PPR PANTAI RIA
11.	PPR PEKAN KEPONG
12.	PPR SERI ALAM
13.	PPR SERI CEMPAKA
14.	PPR TAMAN MULIA
15.	PUSAT KOMUNITI TTDI

Manakala di bawah kategori Kebun Insitusi/Pendidikan, LA21KL DBKL melaporkan terdapat 17 kebun yang berdaftar. Walau bagaimanapun, hanya 14 kebun yang disahkan aktif dan diliputi dan maklumat lokasi bagi bilangan institusi atau premis adalah seperti berikut :

BILANGAN DAN INSTITUSI/PREMIS

BIL.	INSTITUSI/PREMIS
1.	KOLEJ TINGKATAN 6 DESA MAHKOTA
2.	KOMPLEKS DARUL KIFAYAH
3.	MASJID ZAID BIN HARITSAH
4.	PUSPEN SG BESI
5.	SK DATO ABU BAKAR
6.	SK KAMPUNG BATU
7.	SK SENTUL 1
8.	SK SERI BONUS
9.	SK SERI INDAH
10.	SMK BATU MUDA
11.	SMK KIARAMAS
12.	SMK SENTUL UTAMA
13.	SMK SRI HARTAMAS
14.	SURAU AL HUDA

Pelaksanaan inisiatif LA21KL oleh DBKL berjaya menggalakkan pertanian bandar sebagai satu pendekatan strategik dalam memperkasakan masyarakat setempat, memanfaatkan ruang tanah terbiar serta menyumbang kepada kelestarian bandar Kuala Lumpur. Penglibatan yang aktif daripada pelbagai pihak termasuk komuniti perumahan, institusi pendidikan, organisasi agama serta individu mencerminkan komitmen warga kota dalam mewujudkan persekitaran dan mempereratkan hubungan. Penyertaan pelbagai lapisan masyarakat dalam aktiviti ini membuktikan potensi besar pertanian bandar bukan sahaja sebagai sumber makanan tambahan, malah sebagai platform memperkukuh jalinan sosial, kesedaran alam sekitar dan pembangunan ekonomi komuniti.

Usaha ini wajar diteruskan dan diperluaskan melalui dasar sokongan, insentif dan kerjasama rentas agensi bagi memastikan kesinambungan dan keberkesanan jangka panjang. Impak dan keberhasilan akan memberi manfaat kepada komuniti;

- Meningkatkan interaksi sosial dan semangat gotong-royong
- Menyediakan sumber makanan segar dan menjimatkan kos isi rumah
- Mengurangkan kesan karbon bandar melalui penghijauan

- Memberi peluang pendidikan alam sekitar kepada pelajar dan belia

Walau bagaimana pun terdapat juga cabaran yang dihadapi oleh masyarakat dan penduduk setempat untuk sama-sama dalam menjayakan dan menyahut pelaksanaan inisiatif LA21KL antaranya;

- Kekangan ruang di kawasan bandar padat
- Kekurangan sumber manusia untuk penyelenggaraan kebun
- Isu pemilikan dan status tapak kebun

Inisiatif LA21KL dan Program Pertanian Bandar oleh DBKL membuktikan bahawa bandar raya seperti Kuala Lumpur masih berupaya menyokong aktiviti pertanian berskala kecil yang menyumbang kepada sekuriti makanan, kesejahteraan sosial dan kelestarian alam sekitar. Komitmen DBKL dalam memperkasa komuniti melalui sokongan teknikal dan fasilitasi membentuk asas penting ke arah pembangunan bandar yang inklusif dan mampan menjelang 2040.

RANCANGAN STRUKTUR LABUAN 2040

Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam menyokong sekuriti makanan, menjaga ekonomi tempatan dan memperkukuh kelestarian persekitaran. Meskipun W.P. Labuan mempunyai keluasan tanah yang terhad serta berdepan dengan tekanan pembangunan pesat, sektor pertanian masih berpotensi untuk diperkasakan melalui pendekatan berinovatif dan bersepadu.

Sektor Pertanian di W.P. Labuan mempunyai potensi yang tinggi untuk dikembangkan bagi mengurangkan kebergantungan bahan mentah dari luar. Trend semasa menunjukkan bahawa 80 peratus bahan mentah di W.P. Labuan diperoleh daripada Negeri Sabah manakala 20 peratus adalah daripada aktiviti pertanian tempatan. Bagi menjamin sumber bekalan makanan yang mencukupi, selamat dan berdaya tahan, aktiviti pertanian perlu dipertingkatkan.

Berdasarkan Rancangan Struktur Labuan 2040 (RSL2040) telah menggariskan hala tuju strategik sektor pertanian dengan tumpuan kepada pemeraksanaan komuniti, penggunaan teknologi moden, serta pemuliharaan sumber semula jadi demi menjamin kesejahteraan jangka panjang W.P. Labuan sebagai pulau yang berdaya huni dan mampan. Beberapa perancangan dan strategi pembangunan pertanian W.P. Labuan telah diberi penekanan untuk memastikan jaminan bekalan makanan di wilayah ini mencukupi.

Antara cadangan pelaksanaan lain bagi memastikan jaminan bekalan makanan mencukupi adalah melaksanakan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang merupakan salah satu kaedah untuk membolehkan isu kekurangan tanah pertanian dapat diatasi. Pelaksanaan ini juga dapat membantu untuk meningkatkan pengeluaran makanan yang mampan dan berkualiti, meningkatkan penglibatan usahawan serta sektor swasta dalam pengeluaran makanan. Pembangunan TKPM ini akan membolehkan bekalan bahan mentah di W.P. Labuan dapat dipertingkatkan dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada Negeri Sabah.

Cadangan pelaksanaan seterusnya adalah untuk membangunkan tanah tidak diusahakan bagi menghasilkan tanah pertanian yang produktif. Kawasan tanah W.P. Labuan mempunyai tanah yang tidak diusahakan sebanyak 2,075.04 hektar iaitu kebanyakannya merupakan kawasan tanah hak milik persendirian. Tanah yang tidak diusahakan ini mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai pembangunan pertanian. Pembangunan semula tanah ini bertujuan untuk menjadikan tanah tersebut lebih produktif dan memberi pulangan kepada pengusaha selain dapat meningkatkan pengeluaran tanaman makanan.

Selain itu, antara inisiatif lain yang boleh dilaksanakan adalah menggalakkan penggunaan teknologi baru dalam aktiviti penternakan haiwan seperti penggunaan 'Sistem Reban Tertutup' untuk ternakan ayam dan *zero discharge*; meluaskan kaedah penanaman secara

fertigasi, hidroponik dan akuaponik; menggunakan amalan teknologi terkini dan amalan pertanian baik (APB) ke arah Pensijilan MyGAP dan SOM; membangunkan Zon Industri Akuakultur (ZIA) di lokasi yang telah dikenalpasti bagi menggalakkan hasil sumber marin; meningkatkan tanaman buah-buahan bernilai tinggi; dan menaik taraf jeti perikanan sedia ada di W.P. Labuan.

Pelbagai peruntukan dan bantuan termasuklah bantuan kepakaran dan nasihat yang berterusan diberikan kepada pengusaha sektor Pertanian oleh pelbagai agensi yang berkaitan di W.P. Labuan. Melalui bantuan dan peruntukan yang disalurkan, sektor pertanian di W.P. Labuan akan terus berkembang dan dapat meningkatkan aktiviti bagi ekonomi berasaskan pertanian pada masa akan datang.

RANCANGAN STRUKTUR PUTRAJAYA 2025

W.P. Putrajaya merupakan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang dibangunkan berasaskan konsep bandar pintar dan mampan yang juga dikenali sebagai pusat pentadbiran negara, tidak hanya dikenali dengan keindahan seni bina dan landskap terancang, tetapi juga dengan komitmennya terhadap kelestarian alam sekitar.

Dalam konteks Rancangan Struktur Putrajaya 2025 (RSP 2025), sektor pertanian tidak dikategorikan sebagai guna tanah utama. Namun, elemen pertanian bandar (urban agriculture) telah diperkenalkan sebagai salah satu pendekatan sokongan kepada pembangunan mampan dan kesejahteraan komuniti bandar. Pertanian bandar di Putrajaya ditumpukan kepada penggunaan ruang kecil, penanaman lestari, dan penglibatan komuniti ke arah mewujudkan bandar yang lebih hijau, produktif dan berdaya tahan.

Seiring dengan pelaksanaan RSP 2025, bandar ini berusaha untuk menjadi contoh bandar hijau yang mengintegrasikan pembangunan mampan dan pengurangan pelepasan karbon. Walaupun RSP 2025 tidak memperuntukkan kawasan besar bagi pertanian tradisional, ia mengiktiraf potensi pertanian bandar dalam:

- Menyumbang kepada sekuriti makanan bandar;
- Meningkatkan interaksi sosial dan keterlibatan komuniti;
- Memperkasa pendidikan alam sekitar dan gaya hidup sihat; dan
- Menyokong pelan tindakan perubahan iklim melalui penurunan jejak karbon.

Transformasi Utama merujuk kepada perubahan signifikan yang bakal dilaksanakan oleh W.P. Putrajaya menjelang 2025, sebagai respons terhadap cabaran masa depan. Ia berfungsi sebagai panduan strategik yang menyatukan semua dasar, inisiatif, dan program untuk mencapai visi bandar yang pelbagai, cemerlang, dan berhubung. Antara empat Transformasi Utama yang telah dikenalpasti, salah satunya adalah Transformasi Hijau. W.P. Putrajaya berazam untuk menjadi Bandar Hijau, sebuah bandar yang komited untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti melalui pembangunan bandar yang mampan. Ini termasuk pengurangan pelepasan karbon, penyokongan inisiatif hijau dalam ekonomi, dan mempromosikan gaya hidup mesra alam dalam kalangan masyarakat.

PROGRAM PERTANIAN BANDAR W.P. PUTRAJAYA

Program Pertanian Bandar W.P. Putrajaya merupakan inisiatif yang dikendalikan oleh Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama pelbagai agensi termasuk Jabatan Pertanian, FAMA dan NGO tempatan. Program ini diperkenalkan bagi menggalakkan komuniti menjalankan aktiviti pertanian secara kecil-kecilan dalam kawasan perumahan, institusi dan ruang awam. Berdasarkan maklumat guna tanah daripada Perbadanan Putrajaya, tiada kategori guna tanah pertanian dilaporkan di W.P. Putrajaya. Walau bagaimanapun, Program Pertanian Bandar di bawah Program Mampan Sejahtera Wilayah Persekutuan telah diperkenalkan sejak tahun 2006 yang pada ketika itu adalah pelaksanaan kempen "Bumi Hijau".

Program ini bertujuan untuk meningkatkan integrasi sosial setempat, kesihatan fizikal dan kesejahteraan, meningkatkan pendapatan penduduk, menggunakan kawasan yang belum dibangunkan untuk mewujudkan persekitaran sihat sekaligus menyokong dasar kerajaan dalam memperkasakan pertanian bandar. Antara inisiatif kerajaan untuk memperkasa komuniti melalui pertanian bandar adalah dengan menyediakan lokasi pertanian di kawasan tanah terbiar dan kawasan rizab, memberikan khidmat latihan serta kelengkapan infrastruktur.

Dalam menjayakan program ini, antara komponen utamanya adalah;

- Kebun Komuniti & Kebun Sekolah – Memanfaatkan tanah lapang, kawasan Rukun Tetangga dan kawasan institusi pendidikan;
- Teknologi Hijau – Menggunakan kaedah hidroponik, aquaponik dan pertanian tanpa tanah;
- Bimbingan dan Latihan – Kursus pertanian bandar, bengkel dan demonstrasi oleh pakar; dan
- Insentif & Sokongan – Bantuan input pertanian, peralatan asas dan sokongan teknikal daripada agensi kerajaan.

Pada Februari 2025, Hari Terbuka Pertanian Bandar dan Kelulut W.P. Putrajaya 2025 (HTPBKP2025) yang dirasmikan oleh Yang Berhormat (YB) Dr. Zaliha Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) telah diadakan di Taman Botani Putrajaya. HTPBKP2025 bertemakan "Jom Bertani Komuniti Madani" bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai potensi madu kelulut sebagai produk premium yang boleh dieksport ke pasaran antarabangsa seperti Eropah, Timur Tengah, dan Asia Tenggara. "Program Maduku Putrajaya" merupakan inisiatif komuniti yang dijalankan dengan kerjasama PPj dan National Institute of Biotechnology Malaysia (NIBM). Program ini bertujuan untuk memajukan industri penternakan kelulut di W.P. Putrajaya melalui pendekatan pertanian bandar yang lestari dan berdaya saing. Selain itu, Laman Kelulut W.P. Putrajaya juga berfungsi sebagai destinasi menarik dan hab pendidikan serta penyelidikan bagi pelbagai pihak termasuk pelajar universiti dan agensi.

Merujuk kepada dapatan Banci Pertanian 2024, sebanyak 11 institusi telah dikenal pasti walaupun tujuan utama mereka terlibat dalam aktiviti pertanian bukanlah untuk mendapatkan keuntungan. Pengusaha tersebut diliputi dalam Banci Pertanian 2024 kerana terdapat rekod penjualan walaupun sedikit bagi baki lebihan hasil tanaman mereka. Senarai institusi yang menjalankan aktiviti pertanian adalah seperti berikut :

SENARAI INSTITUSI YANG MENJALANKAN AKTIVITI PERTANIAN, W.P. PUTRAJAYA, 2023

BIL	PENGUSAHA	AKTIVITI PERTANIAN
1.	SK PUTRAJAYA PRESINT 16 (2)	TANAMAN
2.	SK PUTRAJAYA PRESINT 11 (1)	TANAMAN
3.	SMK PUTRAJAYA PRESINT 17 (1)	TANAMAN
4.	SMK PUTRAJAYA PRESINT 8 (1)	TANAMAN
5.	SMK PUTRAJAYA PRESINT 16(1)	TANAMAN
6.	SK PUTRAJAYA PRESINT 8 (1)	TANAMAN
7.	SMK PUTRAJAYA PRESINT 18(1)	TANAMAN
8.	SMK PUTRAJAYA PRESINT 9 (2)	TANAMAN
9.	SK PUTRAJAYA PRESINT 11(3)	TANAMAN
10.	BALAI BOMBA PRESINT 7	TANAMAN
11.	BALAI BOMBA PRESINT 14	TANAMAN

Senarai pengusaha yang menjalankan aktiviti pertanian dari dapatan Banci Pertanian 2024 adalah sebanyak 12 kebun komuniti telah dikenal pasti terlibat dalam aktiviti pertanian bukanlah untuk mendapatkan keuntungan.

**SENARAI KEBUN KOMUNITI YANG MENJALANKAN AKTIVITI PERTANIAN,
W.P. PUTRAJAYA, 2023**

BIL	PENGUSAHA	AKTIVITI PERTANIAN
1.	KEBUN KOMUNITI 1	TANAMAN
2.	KEBUN KOMUNITI 2	TANAMAN
3.	KEBUN KOMUNITI 3	TANAMAN
4.	KEBUN KOMUNITI 4	TANAMAN
5.	KEBUN KOMUNITI P16	TANAMAN DAN TERNAKAN (MADU KELULUT)
6.	KEBUN KOMUNITI SERULING	TANAMAN
7.	KEBUN KOMUNITI P9B1	TANAMAN
8.	KEBUN KOMUNITI PUDINA	TANAMAN
9.	KEBUN KOMUNITI FASA 4C	TANAMAN
10.	KEBUN KOMUNITI P11K	TANAMAN
11.	KEBUN KOMUNITI P15	TERNAKAN (MADU KELULUT)
12.	KEBUN KOMUNITI P20*	TANAMAN

Nota: *Terdapat seorang pengusaha yang menjalankan aktiviti Pertanian di Kebun Komuniti P20 direkodkan menetap di Selangor.

Pendekatan Rancangan Struktur Putrajaya 2025 dalam menyokong pertanian bandar menunjukkan komitmen terhadap pembangunan bandar yang inklusif dan lestari. Walaupun pertanian bukan fokus utama guna tanah, pelaksanaan program pertanian bandar secara terancang dapat menyumbang kepada sekuriti makanan, kesejahteraan sosial dan kelestarian alam sekitar bandar W.P. Putrajaya menjelang tahun 2025 dan seterusnya.

PROGRAM INISIATIF PENDAPATAN RAKYAT - INISIATIF USAHAWAN TANI (IPR-INTAN) W.P. PUTRAJAYA

Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) melalui Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) adalah program di bawah Kementerian Ekonomi Malaysia yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan golongan B40 dan miskin tegar dengan memfokuskan kepada pembangunan usahawan tani melalui teknologi pertanian moden. Program IPR-INTAN secara khususnya bertujuan untuk :

- i. Memperkenalkan teknologi pertanian moden seperti sistem pengairan automatik dan pemantauan pintar;
- ii. Melahirkan usahawan tani berkemahiran dengan menyediakan latihan praktikal dalam sektor tanaman pertanian dan akuakultur; dan
- iii. Mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam sektor pertanian.

Lokasi ladang IPR-INTAN di W.P. Putrajaya yang terletak di Jalan P9b/2, Presint 9 berhampiran dengan Rumah Kucing ini mempunyai keluasan sebanyak 10 ekar tanah milik Kerajaan Persekutuan/ Negeri/ Badan Berkanun telah dimanfaatkan untuk projek ini. Ladang ini memfokuskan sepenuhnya kepada tanaman cili menggunakan kaedah fertigasi, dengan kapasiti keseluruhan sebanyak 40,000 polibeg. Setiap peserta projek diperuntukan sebanyak 2,000 polibeg. Bantuan telah disalurkan dalam bentuk penyediaan tapak, pembangunan infrastruktur serta latihan berstruktur selama tempoh 24 bulan. Para peserta telah ditempatkan di bawah satu sistem pengurusan berpusat di mana mereka menerima latihan intensif merangkumi keseluruhan proses penanaman cili bermula dari peringkat awal sehingga penuaian. Hasil tanaman akan dibeli semula sepenuhnya oleh pihak pengurusan.

Projek IPR-INTAN ini dikelola oleh Lembaga Pertubuhan Peladang dan diselia sepenuhnya oleh Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat. Bagi peserta Program IPR-INTAN W.P. Putrajaya, seramai 10 orang peserta telah menyertai program ini pada tahun 2023 manakala seramai 20 orang peserta pada tahun 2024.

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
011	Penanaman tanaman tidak kekal		
	01111	Penanaman jagung manis	01111
	01112	Penanaman tanaman kekacang	01112
	01113	Penanaman kacang tanah	01113
	01119	Penanaman bijian berminyak dan bijirin lain t.t.t.l	01113
	01120	Penanaman padi	01120
	01131	Penanaman sawi	01131
	01132	Penanaman bayam	01132
	01133	Penanaman tembikai	01133
	01134	Penanaman cendawan dan truffles	01134
	01135	Penanaman timun	01135
	01136	Penanaman terung	01136
	01137	Penanaman kobis	01137
	01138	Penanaman tomato	01138
	01139	Penanaman sayur-sayuran dan ubi lain t.t.t.l	-
	01140	Penanaman tebu	01140
	01150	Penanaman tembakau	01150
	01161	Penanaman kenaf	-
	01169	Penanaman tanaman berserat lain t.t.t.l	-
	01191	Penanaman bunga	01191
	01192	Penanaman biji benih bunga	01192
	01193	Penanaman sagu (rumbia)	01193
	01194	Penanaman tumbuhan untuk makanan ternakan	-
	01195	Penanaman pengeluaran keratan bunga dan kudup bunga	-
	01199	Penanaman tanaman bukan kekal lain t.t.t.l.	01199

012 Penanaman tanaman kekal

01210	Penanaman anggur	01210
01221	Penanaman pisang	01221
01222	Penanaman mangga	01222
01223	Penanaman durian	01223
01224	Penanaman rambutan	01224
01225	Penanaman belimbing	01225
01226	Penanaman betik	01226
01227	Penanaman nanas	01227
01228	Penanaman buah naga	01228

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
01229	Penanaman buah-buahan tropika dan subtropika lain t.t.t.l.		01229
01231	Penanaman limau bali		01231
01232	Penanaman lemon		01232
01233	Penanaman limau manis (buah)		01233
01234	Penanaman limau (rempah)		-
01239	Penanaman buah-buahan sitrus lain t.t.t.l.		01239
01241	Penanaman jambu batu		01241
01249	Penanaman buah-buahan delima dan berbiji lain t.t.t.l.		01249
01251	Penanaman buah strawberi		01251
01252	Penanaman buah beri lain		01252
01253	Penanaman kekacang yang boleh dimakan		01253
01254	Penanaman biji benih buah-buahan		01254
01261	Penanaman kelapa sawit (estet)		01261
01262	Penanaman kelapa sawit (kebun kecil)		01262
01263	Penanaman kelapa (estet dan kebun kecil)		01263

01269	Penanaman buah-buah lain untuk minyak t.t.t.l.	01269
01271	Penanaman kopi	01271
01272	Penanaman teh	01272
01273	Penanaman koko	01273
01279	Penanaman tanaman minuman lain t.t.t.l	01279
01281	Penanaman lada hitam (piper nigrum)	01281
01282	Penanaman cili dan lada (lada benggala spp.)	01282
01283	Penanaman pokok serai	01283
01284	Penanaman halia	01284
01285	Penanaman tanaman yang digunakan terutamanya untuk penghasilan minyak wangi, untuk farmasi atau untuk racun serangga, kulat atau untuk tujuan yang seumpamanya.	01285
01286	Penanaman pokok petai	-
01287	Penanaman sacha inchi	-
01288	Penanaman ketum	-
01289	Penanaman tanaman rempah ratus dan aromatik lain t.t.t.l.	01289
01291	Penanaman pokok getah (estet)	01291
01292	Penanaman pokok getah (kebun kecil)	01292
01293	Penanaman pokok untuk pengekstrakan sap	01293
01294	Penanaman pokok nipah	01294
01295	Penanaman pokok pinang	01295

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
	01296	Penanaman pokok roselle	01296
	01299	Penanaman tanaman kekal lain t.t.t.l.	01299
013	Pembiakan tumbuhan		
	01301	Penanaman tumbuhan sebagai tanaman	01301

01302	Penanaman tumbuhan untuk tujuan hiasan	01302
01303	Penanaman tumbuhan untuk bebawang, ubi dan akar; keratan dan slips; cendawan	01303
01304	Operasi tapak semaian pokok (nurseries)	01304

014 Pengeluaran ternakan

01411	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran lembu	01411
01412	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran kerbau	01412
01413	Pengeluaran susu segar daripada lembu atau kerbau	01413
01420	Penternakan dan pembiakan kuda, keldai, baghal atau <i>hinnes</i>	01420
01430	Penternakan dan pembiakan unta (<i>dromedary</i>) dan camelid	01430
01441	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran kambing	01441
01442	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran biri-biri	01442
01443	Pengeluaran susu segar kambing atau biri-biri	01443
01444	Pengeluaran bulu belum proses	01443
01450	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran babi	01450
01461	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran ayam pedaging	01461
01462	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran ayam penelur	01462
01463	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran itik	01463
01464	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran burung puyuh	01464
01465	Penternakan dan pembiakan unggas lain t.t.t.l.	01465
01466	Pengeluaran telur ayam	01466
01467	Pengeluaran telur itik	01467
01468	Pengeluaran telur unggas lain t.t.t.l.	01468
01469	Operasi penetasan unggas	01469
01491	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran arnab	01491
01492	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran burung	01492

01493	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran siput, ulat dan cacing	01493
01494	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran serangga	01494
01495	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran hasil madu (Apikultur dan Meliponikultur)	01495
01496	Penternakan dan pembiakan haiwan peliharaan	01496
01497	Penternakan dan pembiakan burung walet	01497

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
	01498	Pengeluaran kulit berbulu, kulit burung atau reptilia dari operasi ladang ternakan	01492
	01499	Penternakan pelbagai/haiwan lain t.t.t.l.	01499
015	Pertanian campuran		
	01501	Pertanian campuran (tanaman, ternakan dan perikanan)	-
	01502	Pertanian campuran (tanaman dan ternakan)	-
	01503	Pertanian campuran (tanaman dan perikanan)	-
	01504	Pertanian campuran (ternakan dan perikanan)	-
016	Aktiviti sokongan pertanian dan aktiviti tanaman selepas tuaian		
	01611	Aktiviti perkhidmatan penjagaan dan penyelenggaraan landskap nurseri	-
	01612	Aktiviti perkhidmatan penanaman dan penuaian	-
	01613	Aktiviti perkhidmatan merumput dan kawalan Lalang	-
	01614	Aktiviti perkhidmatan menebang dan membersihkan tanah	-
	01615	Aktiviti perkhidmatan merawat dan mengawal penyakit	-
	01616	Aktiviti perkhidmatan menyelenggara infrastruktur	-
	01617	Aktiviti perkhidmatan menyelenggara tempat/ peralatan jentera dan kelengkapan untuk penanaman	-
	01621	Aktiviti merawat dan mengawal penyakit	-
	01622	Penyelenggaraan infrastruktur	-

01623	Penyelenggaraan kawasan dan peralatan ternakan	-
01629	Aktiviti sokongan ternakan lain t.t.t.l.	-
01631	Penyediaan tanaman untuk pasaran utama	01631
01632	Penyediaan daun tembakau	01632
01633	Penyediaan biji koko	01633
01634	Menjemur sayur-sayuran dan buah-buahan	01634
01639	Aktiviti tanaman selepas tuaian lain t.t.t.l.	-
01640	Pemprosesan benih untuk pembiakan	01640

017 Pemburuan, penjeratan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan

01701	Pemburuan dan penjeratan haiwan secara komersial	01701
01702	Penangkapan haiwan (hidup atau mati)	01702

021 Silvikultur dan aktiviti perhutanan lain

02101	Silvikultur, restorasi dan pemuliharaan hutan darat.	02101
02102	Silvikultur, restorasi dan pemuliharaan hutan paya bakau serta persisiran pantai	02102
02103	Silvikultur, restorasi dan pemuliharaan hutan paya gambut	02103
02104	Bekalan sumber bahan tanaman perhutanan	02104
02105	Operasi tapak semaian pokok hutan dan pokok ladang hutan	02105

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
	02106	Pengumpulan maklumat bagi kawasan pemeliharaan hutan asli	-
	02107	Ladang hutan	02105
	02109	Silvikultur, restorasi, pemuliharaan hutan dan aktiviti perhutanan lain t.t.t.l	-

022 Pembalakan

02201	Pengusahasilan hutan darat asli secara berkekalan (<i>selective management system</i>)	02201
-------	--	-------

02202	Pengusahaan hutan paya laut	02202
02203	Pengusahaan hutan paya gambut	02203
02204	Pengusahaan hutan bagi tujuan pembangunan	02204
02205	Penjarangan dan pengusahaan akhir bagi ladang hutan	-
02206	Pengusahaan dan pemindahan kayu dari luar kawasan hutan simpan kekal	-
02209	Pengusahaan lain t.t.t.l	-

023 Pengumpulan produk hutan bukan kayu

02301	Pengusahaan dan pengeluaran rotan dan buluh	02301
02302	Pengusahaan dan pengeluaran sarang burung	02302
02303	Pengusahaan dan pengeluaran pokok sagu liar	02303
02304	Pengusahaan dan pengeluaran gaharu	-
02305	Pengusahaan dan pengeluaran buah-buahan hutan	-
02306	Pengusahaan dan pengeluaran herba dan tumbuhan ubatan	-
02307	Pengusahaan dan pengeluaran madu lebah	-
02309	Pengusahaan, pengumpulan dan pengeluaran hutan bukan kayu lain t.t.t.l	02309

024 Perkhidmatan sokongan perhutanan

02401	Menjalankan aktiviti perkhidmatan penyediaan dokumen yang berkaitan dalam operasi perhutanan dan ladang hutan	02401
02402	Binaan dan penyelenggaraan infrastruktur dalam hutan simpanan kekal (jambatan, jalan sementara dll.)	02402
02403	Operasi bancian pokok (sebelum/selepas tebangan, penandaan pokok)	-
02404	Perkhidmatan jentera, peralatan dan kelengkapan pengusahaan dalam kawasan hutan	-
02409	Lain-lain perkhidmatan sokongan perhutanan t.t.t.l	-

031 Perikanan

03111	Perikanan komersil di laut dan perairan pantai	03111
-------	--	-------

03112	Pemungutan ketam di laut	03112
03113	Pemungutan sotong di laut	03113

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
	03114	Pemungutan udang di laut	03114
	03115	Pemungutan kerang-kerangan di laut	03115
	03116	Pemungutan haiwan dan organisma akuatik di laut	-
	03117	Pemungutan ikan hiasan di laut	-
	03119	Perikanan laut lain t.t.t.l	03119
	03121	Perikanan komersil di darat	03121
	03122	Pemungutan ketam air tawar	03122
	03123	Pemungutan udang air tawar	03123
	03124	Pemungutan kerang-kerangan air tawar	03124
	03125	Pemungutan haiwan dan organisma akuatik air tawar	-
	03126	Pemungutan ikan hiasan air tawar	-
	03129	Perikanan air tawar lain t.t.t.l	03129
032	Akuakultur		
	03211	Ternakan ikan di laut	03211
	03212	Ternakan ketam laut	03212
	03213	Ternakan udang laut	03213
	03214	Ternakan kerang-kerangan laut	03214
	03215	Ternakan haiwan dan organisma akuatik laut	03215
	03216	Ternakan ikan hiasan	03216
	03217	Operasi penetasan anak benih (laut)	03217
	03218	Ternakan rumpai laut	03218
	03219	Ternakan akuakultur laut lain t.t.t.l	03219
	03221	Ternakan ikan air tawar	03221

03222	Ternakan udang air tawar	03222
03223	Ternakan kerang-kerangan air tawar	03223
03224	Ternakan ikan hiasan air tawar	03224
03225	Ternakan reptilia dan amfibia	03225
03226	Operasi penetasan anak benih (air tawar)	03224
03229	Akuakultur air tawar lain t.t.t.l	03229

033 TBA

03301	Aktiviti atas vessel yang melibatkan penangkapan, pemprosesan dan pengawetan	-
03302	Penyelenggaraan vesel perikanan, kapal	-
03309	Menjalankan sebahagian aktiviti sokongan perikanan lain t.t.t.l	-
03311	Penyelenggaraan tempat dan peralatan akuakultur	-
03312	Operasi kolam ikan	-

Kumpulan Perkara	Keterangan	MSIC 2008
03319	Menjalankan sebahagian aktiviti sokongan akuakultur lain t.t.t.l	-

701 Aktiviti ibu pejabat

70101	Aktiviti ibu pejabat tanaman	70100
70102	Aktiviti pengurusan ladang (tanaman)	70100
70103	Aktiviti ibu pejabat ternakan	70100
70104	Aktiviti pengurusan ladang (ternakan)	70100
70105	Aktiviti ibu pejabat pembalakan dan perhutanan	70100
70106	Aktiviti pengurusan ladang (pembalakan dan perhutanan)	70100
70107	Aktiviti ibu pejabat perikanan	70100
70108	Aktiviti pengurusan ladang (perikanan)	70100

Umum

Istilah	Definisi
Kewarganegaraan	Kewarganegaraan ialah keanggotaan sah seseorang individu dalam sesebuah negara yang membolehkannya menikmati hak-hak tertentu seperti perlindungan undang-undang, hak untuk mengundi, dan akses kepada kemudahan awam, serta menanggung kewajipan seperti mematuhi undang-undang, membayar cukai dan mempertahankan negara jika diperlukan. Kewarganegaraan Malaysia merujuk kepada penduduk yang bermastautin di Malaysia. Kriteria untuk kewarganegaraan Malaysia ditentukan dalam Peraturan Kewarganegaraan Malaysia 1964.
Taraf perkahwinan	Taraf perkahwinan ialah status individu berdasarkan keadaan perkahwinannya yang diiktiraf oleh undang-undang, sama ada individu tersebut belum pernah berkahwin, sedang berkahwin, telah bercerai, atau kematian pasangan. Status ini penting dalam pelbagai urusan seperti pentadbiran, perundangan, permohonan rasmi dan dokumentasi peribadi. Taraf perkahwinan merujuk: i. Tidak pernah berkahwin ii. Berkahwin iii. Balu/Duda iv. Bercerai/ Berpisah

Sijil Tertinggi diperoleh

Sijil tertinggi diperoleh ialah tahap pencapaian atau pendidikan formal paling tinggi yang dimiliki oleh seseorang, sama ada dalam bentuk sijil, diploma, ijazah, atau kelayakan setaraf yang diiktiraf oleh badan yang sah. Ia menunjukkan tahap pengetahuan, kemahiran, atau kelayakan seseorang dalam sesuatu bidang. Empat pengkelasan sijil tertinggi diperoleh adalah:

i. Tiada sijil

ii. Rendah

- Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V)

iii. Menengah

- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ SPM (V) atau yang setaraf
- Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau yang setaraf

iv. Tertiari

- Sijil kemahiran khusus atau eknikal (TVET)
- Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-Badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf
- Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau eknikal (TVET)
- Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf
- Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana
- Doktor Falsafah (PhD)

Sektor Pertanian

Istilah	Definisi
Sektor Pertanian	Merangkumi semua aktiviti ekonomi berkaitan tanaman, penternakan, perikanan dan perhutanan & pembalakan bagi pengeluaran makanan, bahan mentah dan produk lain.
Pegangan Pertanian	Pegangan Pertanian secara ideal ditakrifkan sebagai satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal untuk tujuan pengeluaran pertanian tanpa mengambil kira hak milik, taraf sah atau saiz tanah. Pegangan Pertanian terdiri daripada dua (2) kategori iaitu Individu dan Pertubuhan Perniagaan. Maklumat untuk profil pegangan pertanian merujuk kepada lokasi tempat kediaman atau lokasi pertubuhan perniagaan.
Hasil Pertanian	Output daripada aktiviti sektor pertanian termasuk tanaman, ternakan, hasil perikanan dan hutan.
Input Pertanian	Sumber yang digunakan dalam proses pengeluaran pertanian seperti benih, baja, racun perosak, air, dan tenaga kerja.

Subsektor: Tanaman

Istilah	Definisi
Tanaman Agromakanan	Tanaman yang dihasilkan untuk tujuan pemakanan seperti padi, jagung, sayur-sayuran dan buah-buahan.
Tanaman Agrokomoditi	Tanaman yang ditanam untuk tujuan komersial seperti kelapa sawit, getah, koko dan teh.
Kawasan Bertanam	Luas kawasan yang digunakan untuk penanaman sesuatu jenis tanaman.
Hasil Tanaman	Jumlah pengeluaran tanaman dalam satu musim atau tahun tertentu.
Mekanisasi Pertanian	Penggunaan mesin dalam pelbagai operasi penanaman seperti membajak, menuai dan menyembur racun.
Pertanian Bandar	Aktiviti penanaman yang dijalankan di kawasan bandar seperti tanaman sayur dalam pasu atau sistem hidroponik.

Tanaman Getah

Istilah	Definisi
----------------	-----------------

Pekebun Kecil Getah	Akta RISDA Perusahaan Getah 1972 (sebagaimana pada 1 Nov. 2016) merujuk pemunya atau penduduk sah mana-mana tanah yang jumlah keluasanya kurang daripada 40 hektar, wakil sah pemunya atau wakil sah penduduk; dan seseorang yang memiliki atau mengendalikan satu ladang getah atau lebih dalam suatu negeri yang jumlah keseluruhannya tidak melebihi 40 hektar. Lembaga Getah Malaysia merujuk mana-mana pekebun kecil yang menjual getah perlu memiliki PAT-G yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan LGM (Pelesenan dan Permit) 2014.
Estet Getah	Akta RISDA Perusahaan Getah 1972 (sebagaimana pada 1 Nov. 2016) merujuk mana-mana tanah yang jumlah keluasanya tidak kurang daripada 40 hektar yang dimasukkan dalam suatu Skim yang ditetapkan dan yang berhubungan dengannya pemunya tanah itu berterusan menyertai Skim itu sepanjang tempohnya. Lembaga Getah Malaysia merujuk satu ladang getah keluasanya melebihi 40 hektar selaras dengan Garis Panduan Permohonan Lesen dan Permit LGM yang berkuatkuasa. Pertimbangan boleh diberikan kepada mana-mana estet yang mempunyai keluasan ladang tidak melebihi 40 hektar dan tidak layak memiliki Permit Autoriti Transaksi Getah (PAT-G).
Getah	Akta RISDA Perusahaan Getah 1972 (sebagaimana pada 1 Nov. 2016) merujuk segala getah asli dalam bentuk cecair, pepejal atau adunan yang didapati daripada tumbuhan getah dan termasuklah segala elastomer yang didapati daripada getah asli. Akta 551 LGM merujuk segala getah asli dalam bentuk cecair, pepejal atau adunan yang diterbitkan daripada apa-apa tumbuhan yang menghasilkan lateks dan getah tiruan dalam bentuk cecair, pepejal atau adunan yang diterbitkan daripada keluaran petrokimia dan termasuklah segala elastomer yang diterbitkan daripada getah asli atau getah tiruan atau kedua-duanya.

Getah Bekuan Ladang	Getah Bekuan Ladang merupakan bekuan getah asli yang diperolehi daripada penggumpalan susu getah (lateks) menggunakan asid atau secara semula jadi di dalam cawan getah atau bekas lain yang sesuai. Ia juga dikenali sebagai getah sekerap atau cuplump.
Lateks	Lateks merujuk kepada cecair berwarna putih yang terhasil daripada torehan pada batang pokok getah (<i>Hevea Brasiliensis</i>), yang dikenali sebagai susu getah. Susu getah mengandungi partikel getah yang terampai di dalam serum. Komposisi utama susu getah terdiri daripada partikel getah (30 - 40% KGK) serta serum yang mengandungi air, protein, lipid, karbohidrat, bahan berdarah, dan bahan bukan organik.
Getah Kepingan (<i>Ribbed Smoked Sheet/RSS</i>), <i>Unsmoked Sheet/USS</i> , <i>Air Dried Sheet/ADS</i> atau campuran)	Getah Kepingan adalah getah asli yang dihasilkan dengan menggumpal lateks getah asli, diikuti dengan proses penghasilan lembaran getah beku yang kemudiannya melalui proses pengeluaran air menggunakan mesin giling berbunga atau tidak berbunga dan dikeringkan sama ada secara diasap (<i>Ribbed Smoked Sheet/RSS</i>) atau tidak diasap (<i>Unsmoked Sheet/USS</i>).
Getah Mutu Malaysia / Standard Malaysian Rubber (SMR)	SMR ialah gred khusus getah asli bongkah Malaysia yang memenuhi spesifikasi teknikal yang ditetapkan di bawah Skim SMR sebagai jaminan kualiti.
Kandungan Getah Kering (KGK)	Kandungan Getah Kering (KGK) atau dalam Bahasa Inggeris, <i>Dry Rubber Content (DRC)</i> adalah peratusan sebenar kandungan getah dalam susu getah atau getah bekuan ladang, selepas semua kandungan air dan bahan bukan getah dibuang.

Tanaman Kenaf & Tembakau

Istilah	Definisi
Kenaf	Nama saintifiknya <i>hibiscus cannabinus L.</i> ialah sejenis tanaman jangka pendek musim panas yang berserat, bukan berkayu dan berasal dari Afrika.

Istilah	Definisi
Serat/ fiber	Serat semula jadi yang diperoleh daripada kulit batang pokok kenaf.
Core	Bahagian teras batang tumbuhan kenaf yang merupakan bahagian dalam batang.
Bast	Merujuk kepada serat dari kuit luar batang tumbuhan kenaf.
Kultivar	Merujuk kepada varieti atau jenis spesifik tanaman kenaf yang telah dibangunkan melalui proses pemilihan atau pembiakbakaan untuk memenuhi keperluan tertentu dalam industri pertanian dan pembuatan.
Foraj	Tanaman kenaf yang digunakan sebagai makanan ternakan.
Lignin	Bahan semula jadi yang terdapat dalam batang pokok tumbuhan kenaf, yang berfungsi untuk menguatkan batang pokok kenaf.
Proses <i>Retting</i>	Proses merendam batang kenaf untuk melonggarkan dan memisahkan serat dari bahagian batang yang lain, seperti kulit dan teras (core).
Mikroorganisma	Bakteria, kulat (fungi) atau protozoa menyerang atau menjangkiti sesuatu bahan atau organisma dan menyebabkan perubahan, kerosakan atau pereputan.
Nectar	Bahan semula jadi yang dihasilkan oleh kebanyakan tumbuhan berbunga yang mengandungi gula, terutamanya sukrosa, glukosa dan fruktosa. Nektar kenaf merujuk kepada cecair manis yang dihasilkan oleh bunga kenaf biasanya untuk menarik serangga pendebunga seperti lebah.

Subsektor: Ternakan

Istilah	Definisi
Ternakan	Haiwan yang ditenak untuk tujuan pengeluaran daging, susu, telur, bulu dan kulit. Ternakan melibatkan amalan pembiakan, pemeliharaan dan penjagaan kesihatan haiwan bagi memastikan produktiviti dan kesejahteraan haiwan terjamin.
Penternak	Individu atau entiti yang menjalankan aktiviti penternakan.
Sistem Penternakan	Kaedah penternakan seperti intensif (dalam kandang), separa intensif, dan ekstensif (meragut bebas).

Istilah	Definisi
Makanan Ternakan	Bahan yang diberi kepada haiwan termasuk rumput, dedak, silaj dan suplemen nutrien.
Keluaran Ternakan	Produk seperti daging, susu dan telur yang diperoleh daripada haiwan ternakan.

Subsektor: Akuakultur

Istilah	Definisi
Akuakultur	Aktiviti pembiakan dan pemeliharaan hidupan akuatik seperti ikan, udang dan kerang dalam persekitaran terkawal.
Kolam Ternakan	Struktur atau kawasan air seperti kolam tanah atau tangki yang digunakan untuk penternakan hidupan akuatik.
Sistem Tertutup	Sistem pengurusan air akuakultur yang terkawal sepenuhnya seperti sistem resirkulasi (RAS).
Benih Ikan	Ikan muda yang digunakan untuk ditenak dalam sistem akuakultur.
Makanan Akuakultur	Bahan makanan yang digunakan untuk memberi nutrisi kepada hidupan akuatik yang ditenak.
Hasil Akuakultur	Jumlah pengeluaran hasil akuakultur dalam satu musim atau tahun.

Subsektor: Perikanan Tangkapan

Istilah	Definisi
Perikanan Tangkapan	Aktiviti menangkap ikan dan hasil laut dari perairan semula jadi.
Nelayan	Orang yang terlibat dalam penangkapan ikan di laut, sungai atau tasik.
Bot Perikanan	Bot yang digunakan untuk menangkap ikan, diklasifikasikan mengikut saiz dan jenis operasi.
Alat Tangkapan	Peralatan yang digunakan seperti pukot, rawai, jaring dan pancing.
Pendaratan Ikan	Proses membawa hasil tangkapan ke darat untuk dijual atau diproses.
Zon Perikanan	Kawasan laut yang ditetapkan untuk aktiviti perikanan seperti Zon A hingga Zon C2.
Zon A	
Zon B	
Zon C	

Subsektor: Perhutanan & Pembalakan

Istilah	Definisi
Hutan simpanan kekal	Menurut Seksyen 2, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313), Hutan Simpanan Kekal (HSK) ertinya

Istilah	Definisi
	mana-mana tanah yang dijadikan atau disifatkan telah dijadikan HSK di bawah Akta ini. Kawasan tersebut ditadbir sepenuhnya oleh Jabatan Perhutanan Negeri dan semua hasil hutan dalam kawasan ini adalah milik Kerajaan Negeri.
Hutan tanah bermilik (milikan swasta)	Hutan tanah milikan swasta adalah hutan yang dimiliki oleh individu, syarikat, atau entiti swasta lain. Ini bermaksud bahawa sebidang tanah yang ditutupi oleh hutan tersebut adalah milik peribadi dan bukan milik kerajaan atau masyarakat umum. Hutan tanah milikan swasta boleh diurus dan dimanfaatkan mengikut kepentingan pemiliknya yang mungkin merangkumi eksploitasi kayu, pengeluaran bahan bukan kayu, pemuliharaan atau matlamat lain.
Hutan tanah kerajaan	Hutan tanah kerajaan menurut seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965) ialah semua tanah di dalam negeri itu (termasuk sebanyak mana dasar mana-mana sungai dan tepi pantai laut, seperti yang termasuk di dalam wilayah negeri itu atau batas perairan wilayah) selain daripada: a. Tanah bermilik; b. Tanah rizab; c. Tanah lombong; dan d. Mana-mana tanah yang di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan hutan (sama ada diluluskan sebelum atau permulaan Akta ini), pada masa itu adalah hutan simpanan.
Hasil Utama Hutan	Hasil hutan yang dinyatakan dalam Bahagian A Jadual Kedua Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu hasil hutan utama hendaklah terdiri daripada yang berikut: (a) Kayu bulat (b) Kayu jaras (c) Kayu api (d) Arang (e) Semua jenis rotan
Hasil Kecil Hutan	Hasil hutan yang dinyatakan dalam Bahagian B Jadual Kedua Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu hasil hutan kecil hendaklah terdiri daripada hasil hutan lain yang tidak termasuk sebagai hasil utama hutan.
Hasil Hutan Bukan Kayu	Semua produk hutan kecuali kayu-kayan, termasuk bahan-bahan lain yang diperolehi daripada pokok seperti resin dan daun serta produk-produk lain daripada tumbuhan dan haiwan.
Kayu Balak	Pokok besar yang ditebang untuk diproses menjadi kayu gergaji atau produk lain.
Kayu Jaras	Mana-mana bahagian yang dipotong daripada pokok dan mempunyai diameter kurang daripada 30cm pada sebelah hujungnya yang besar.
Kayu Keras Berat	Kayu yang berat dan mempunyai ketumpatan melebihi 880kg/m ³

Istilah	Definisi
Kayu Keras Sederhana	Kayu yang sederhana berat ke berat dan mempunyai ketumpatan melebihi 720kg/m ³ ke 880kg/m ³ .
Kayu Keras Ringan	Kayu dalam kumpulan ini adalah lebih ringan dan termasuk kayu yang ketumpatan kurang daripada 720kg/m ³ .
Ladang hutan kekal	Kawasan yang ditanam dengan pokok atau tumbuh-tumbuhan hutan, sama ada daripada spesies tempatan atau dagang, dengan kaedah tanaman secara terbuka yang luasnya tidak kurang daripada 50 hektar
Penanaman Semula Hutan	Usaha menanam semula pokok selepas aktiviti pembalakan untuk memastikan kelestarian hutan.
Pembalakan	Penebangan pokok bagi mendapatkan kayu balak untuk kegunaan industri.
Perhutanan	Pengurusan dan pemuliharaan hutan untuk pengeluaran kayu dan hasil hutan bukan kayu.
Silvikultur	Cara penghasilan dan penjagaan hutan melalui manipulasi penubuhan, komposisi dan pertumbuhan hutan untuk memenuhi objektif pemilik hutan tersebut. Ianya boleh merangkumi atau tidak merangkumi pengeluaran kayu-kayan.



RENCANA

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

LANDSKAP SEMASA SUBSEKTOR TANAMAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Secara umumnya, aktiviti tanaman di W.P. Kuala Lumpur adalah tertumpu kepada jenis tanaman tidak kekal yang tidak melibatkan pembinaan struktur kekal atau pengubahsuaian tanah secara intensif. Pendekatan ini adalah selaras dengan dasar perancangan bandar yang digariskan menerusi Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), yang menekankan keperluan mengekalkan keseimbangan antara pembangunan fizikal dan kelestarian persekitaran bandar. Dalam konteks ini, kebanyakan pengusaha dalam kalangan pegangan pertanian individu menunjukkan keupayaan dalam menyesuaikan diri dengan kekangan ruang dan sumber yang terhad di kawasan bandar. Mereka cenderung memilih tanaman yang mudah diurus, cepat dituai, mempunyai nilai pasaran yang tinggi serta mendapat permintaan yang konsisten. Antara tanaman yang sering diusahakan termasuk sayur-sayuran berdaun, cili, halia dan pelbagai jenis herba aromatik. Pendekatan ini bukan sahaja membantu menjana pendapatan sampingan, malah turut menyumbang kepada pengukuhan sistem keterjaminan makanan tempatan menerusi amalan pertanian yang mampan, cekap dan selari dengan keperluan semasa.

Bagi pertubuhan perniagaan yang berdaftar di W.P. Kuala Lumpur, data banci menunjukkan penglibatan dalam aktiviti tanaman komoditi, terutamanya kelapa sawit. Namun begitu, penglibatan ini lebih bersifat pentadbiran kerana kebanyakan entiti tersebut hanya berdaftar di Kuala Lumpur, manakala operasi penanaman sebenar dijalankan di negeri-negeri lain seperti Selangor, Perak dan Negeri Sembilan. Keadaan ini menggambarkan peranan Kuala Lumpur sebagai pusat urusan pentadbiran dan pengurusan syarikat-syarikat pertanian, bukan sebagai lokasi pengeluaran secara langsung. Justeru, meskipun statistik mencatatkan kehadiran pertubuhan yang terlibat dalam tanaman komoditi di Kuala Lumpur, ia tidak mencerminkan aktiviti pertanian sebenar yang berlaku dalam kawasan bandar tersebut.

Selain itu, penemuan awal Banci Pertanian 2024 turut menunjukkan wujudnya kecenderungan baharu dalam kalangan pertubuhan perniagaan untuk meluaskan aktiviti penanaman sayur-sayuran beriklim sederhana ke kawasan selain Tanah Tinggi Cameron Highlands. Beberapa syarikat telah memulakan operasi di kawasan pembangunan baharu seperti Kinta Highlands di Perak, dengan tumpuan kepada tanaman seperti salad, timun Jepun, tomato dan lain-lain tanaman. Perkembangan ini mencerminkan usaha berterusan pihak industri dalam menyesuaikan strategi pengeluaran dengan keperluan pasaran tempatan, dengan mengambil kira faktor kesesuaian iklim dan ketersediaan tanah.

Di samping itu, pertanian bandar turut direkodkan berkembang secara berskala kecil di kawasan terhad seperti tanah utiliti, ruang dalam bangunan dan koridor lebuh raya, termasuk di kawasan bersebelahan Lebuhraya DUKE. Tanaman yang diusahakan melibatkan ubi kayu serta pelbagai jenis daun herba yang dipasarkan terus ke pasar raya tempatan dan rangkaian jualan komuniti. Pendekatan ini mencerminkan potensi sebenar pertanian mikro-urban dalam memanfaatkan ruang terbiar untuk pengeluaran makanan berskala kecil.

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 juga mendapati terdapat pertubuhan yang mengkhusus kepada tanaman sayur-sayuran secara *vertical farming* di dalam bangunan pencakar langit di W.P. Kuala Lumpur. Aktiviti tersebut telah memanfaatkan teknologi moden dalam sektor pertanian seperti sistem hidroponik dan aeroponik, sistem lampu LED untuk proses fotosintesis dalam persekitaran tertutup dan juga pemantauan pintar berasaskan IoT untuk mengawal suhu, kelembapan dan nutrien secara automatik.



Selain tanaman makanan, aktiviti penanaman pokok hiasan juga menyumbang secara signifikan kepada nilai keseluruhan subsektor tanaman di Wilayah Persekutuan. Tanaman hiasan seperti pokok landskap, bunga pasu dan tanaman indoor mendapat permintaan yang kukuh dalam pasaran domestik dan menjadi pelengkap kepada kepelbagaian aktiviti pertanian di kawasan bandar dan pinggir bandar. Keseluruhannya, dapatan awal ini memperlihatkan bahawa subsektor tanaman di Kuala Lumpur meskipun berskala kecil, kekal relevan dan berpotensi untuk terus berkembang secara Lestari, seiring dengan pembangunan bandar yang dinamik.

SOROTAN AWAL SUBSEKTOR TERNAKAN DI W.P. KUALA LUMPUR

Walaupun persekitaran bandar seperti di W.P. Kuala Lumpur tidak begitu sesuai untuk aktiviti ternakan secara konvensional, masih terdapat isi rumah yang meneruskan penglibatan dalam bidang ini sebagai sumber sampingan dan keperluan sendiri. Aktiviti ternakan yang dijalankan lazimnya berskala kecil dan terhad kepada spesies yang mudah diurus dalam ruang sempit seperti ayam kampung, itik, dan arnab.

Bagi pertubuhan perniagaan pula, kebanyakan entiti yang berdaftar di bawah sektor ternakan di W.P. Kuala Lumpur sebenarnya tidak menjalankan operasi penternakan secara langsung di dalam kawasan ini. Sebaliknya, aktiviti penternakan dilaksanakan di luar Wilayah Persekutuan, manakala alamat pendaftaran di W.P. Kuala Lumpur berfungsi sebagai pejabat pentadbiran atau pusat pengurusan korporat. Hanya sebilangan kecil pertubuhan

dikenal pasti benar-benar melaksanakan penternakan secara fizikal di dalam kawasan bandar, dan lazimnya menggunakan pendekatan berskala kecil melalui sistem tertutup atau penternakan terkawal yang sesuai dengan persekitaran terhad serta berimpak rendah.

ADAPTASI AKUAKULTUR BANDAR: POTENSI DAN REALITI DI W.P. KUALA LUMPUR

Secara keseluruhan aktiviti akuakultur yang direkodkan di W.P. Kuala Lumpur tertumpu kepada sistem air tawar, tanpa sebarang laporan melibatkan sistem marin atau air payau di kalangan pengusaha isi rumah. Aktiviti ini lazimnya dijalankan menggunakan sistem tertutup yang sesuai untuk persekitaran bandar seperti kolam kanvas dan tangki plastik. Kaedah ini dipilih kerana keupayaannya yang lebih menjimatkan ruang, mudah diselenggara serta dapat dikawal dari segi kualiti air dan biosekuriti. Pendekatan ini membolehkan pengusaha memanfaatkan ruang terhad di kawasan kediaman atau institusi untuk menjalankan aktiviti akuakultur secara cekap dan lestari tanpa menjejaskan kesejahteraan persekitaran bandar.

Ikan tilapia dan keli merupakan spesis ternakan utama dalam aktiviti akuakultur di W.P. Kuala Lumpur yang diusahakan oleh isi rumah, disebabkan oleh kadar tumbesaran yang cepat serta kos operasi yang rendah. Permintaan pasaran terhadap kedua-dua spesis ini menjadikannya antara sumber pendapatan penting bagi pengusaha tempatan. Selain itu, dapatan banci juga turut merekodkan penternakan ikan air tawar lain seperti lampam dan patin. Penglibatan dalam ternakan spesis ini mencerminkan keupayaan pengusaha menyesuaikan diri dengan kehendak pasaran dan keterbatasan ruang dalam persekitaran bandar.

Sektor akuakultur di W.P. Kuala Lumpur menunjukkan penglibatan aktif dalam kalangan pertubuhan yang memfokuskan kepada ternakan ikan air tawar dan ikan hiasan, khususnya ikan koi yang mendominasi subsektor ini. Sebilangan pertubuhan dikenal pasti menjalankan operasi kolam ternakan secara fizikal yang berada di bandar W.P. Kuala Lumpur.

Pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti ikan hiasan ini bukan sahaja menjalankan urusan pengimportan dan penjualan tetapi turut melibatkan proses penjagaan dan pembesaran ikan sebelum dipasarkan. Elemen penjagaan dan pembesaran ini menjadikan pertubuhan perniagaan ini relevan untuk diliputi dalam banciaan. Aktiviti yang dijalankan adalah secara berskala kecil dalam persekitaran terhad dengan menggunakan tangki fiber yang ditempatkan di ruang belakang premis perniagaan seperti kedai akuarium. Aktiviti ternakan yang dilaksanakan ini selaras dengan ciri-ciri pertanian bandar berintensiti rendah.



PERTANIAN BANDAR: TRANSFORMASI RUANG KOSONG KEPADA KEHIDUPAN BARU

Dalam era pemodenan yang pesat, kawasan bandar sering kali dikaitkan dengan landskap berasaskan konkrit seperti bangunan pencakar langit, jaringan jalan raya yang padat, serta corak kehidupan yang pantas dan sibuk. Namun, di sebalik hiruk-pikuk kehidupan kota, kebun komuniti diwujudkan sebagai satu inisiatif yang dapat memberikan nilai tambah kepada kehidupan bandar dengan mengintegrasikan elemen kehijauan, kerjasama dan kesedaran ekologi. Kebun komuniti merujuk kepada kawasan pertanian berskala kecil yang diusahakan secara kolektif oleh komuniti setempat sama ada di kawasan tanah lapang, terbiar atau di ruang alternatif seperti bumbung bangunan. Inisiatif ini berfungsi bukan sahaja sebagai tambahan sumber pengeluaran makanan secara tempatan malah dapat menyumbangkan manfaat yang luas merangkumi aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar kepada penduduk bandar.

Kebun komuniti akan berperanan sebagai sumber makanan segar dan sihat. Dengan menanam sendiri sayur-sayuran dan buah-buahan, penduduk dapat mengurangkan kebergantungan terhadap pasar atau pasar raya. Makanan yang ditanam sendiri lazimnya bebas daripada racun kimia dan bahan pengawet sekali gus menjamin kualiti dan keselamatan makanan yang lebih baik. Ini sangat penting khususnya dalam zaman di mana isu keselamatan makanan dan kos sara hidup semakin membebankan.

Selain itu, aktiviti berkebun turut menyumbang kepada kesihatan fizikal dan mental penduduk bandar. Walaupun proses seperti mencangkul, menyiram pokok dan menuai hasil tanaman memerlukan tenaga dan mengambil masa, namun ia memberi ketenangan dan kepuasan diri. Kajian menunjukkan bahawa interaksi dengan alam semula jadi boleh mengurangkan tekanan, kemurungan dan kebimbangan. Oleh itu, kebun komuniti bukan sahaja menyihatkan tubuh badan malah mampu menjadi terapi semula jadi kepada warga kota yang sering tertekan dengan urusan harian.

Dari sudut sosial pula, kebun komuniti menjadi platform untuk mengeratkan hubungan sesama jiran. Dalam dunia moden yang penuh dengan teknologi dan media sosial, interaksi secara fizikal semakin berkurangan. Dengan adanya kebun komuniti, penduduk berpeluang berjumpa, berbincang, berkongsi pelbagai ilmu dan bekerjasama terutamanya dalam menjayakan projek kebun. Ini secara tidak langsung memupuk semangat kejiranan, toleransi dan gotong-royong dalam kalangan masyarakat bandar.

Dari sudut kelestarian alam, kebun komuniti turut memainkan peranan penting dalam memelihara alam sekitar. Penggunaan baja kompos, air hujan dan amalan pertanian lestari membantu mengurangkan pencemaran dan sisa pepejal. Tanaman hijau juga membantu menyerap karbon dioksida dan menyejukkan kawasan persekitaran. Justeru, kebun komuniti adalah satu cara bijak untuk menyumbang kepada kelestarian alam terutama di kawasan bandar yang sering terdedah kepada pencemaran.

Di samping itu, kebun komuniti juga berfungsi sebagai pusat pembelajaran dan latihan. Ia boleh dijadikan tempat pendidikan untuk kanak-kanak mempelajari tentang alam semula jadi, kitar semula dan kepentingan makanan sihat. Bagi golongan dewasa, kebun komuniti boleh menjadi tapak untuk mendalami ilmu pertanian bandar sekali gus membuka peluang ekonomi baru seperti pertanian berskala kecil atau perniagaan hasil tani. Melalui penerapan teknologi pertanian bandar seperti sistem fertigasi, penanaman vertikal dan penggunaan rumah hijau berskala kecil, kebun komuniti berupaya mempelbagaikan jenis tanaman dalam tempoh masa setahun secara lebih cekap dan sistematik. Kemajuan ini bukan sahaja meningkatkan hasil tuaian malah membolehkan komuniti mengusahakan pelbagai varieti sayuran, herba dan buah-buahan secara bergilir sepanjang tahun tanpa terlalu bergantung kepada musim semula jadi.



Secara keseluruhannya, pelaksanaan kebun komuniti memberi impak positif kepada penduduk bandar dari pelbagai sudut sama ada ekonomi, kesihatan, sosial, alam sekitar dan pendidikan. Namun demikian, antara cabaran utama dalam pengurusan kebun komuniti ialah penglibatan secara tidak sepenuh masa dalam aktiviti penyelenggaraan dan pengusahaan kebun terutamanya apabila ia bergantung sepenuhnya kepada tenaga sukarelawan atau penduduk yang hanya terlibat secara sampingan disebabkan mempunyai komitmen lain. Ketidakselarasan ini boleh menyebabkan kelemahan dari segi penjagaan, pengurangan hasil tanaman serta peningkatan risiko kebun tersebut menjadi terbiar, tidak produktif dan mencacatkan persekitaran sekiranya tidak diselia melalui sistem pengurusan yang terancang dan mampan. Bagi menggerakkan pelaksanaan kebun komuniti secara aktif, semua pihak perlu bekerjasama dalam memperluaskan inisiatif kebun komuniti. Melalui sinergi kerajaan, institusi akademik dan komuniti, inisiatif ini berpotensi membentuk bandar lebih hijau, inklusif dan makmur. Penerusan usaha mendalami dasar, meluaskan latihan dan memastikan keberdayaan tanah serta sokongan masyarakat harus diperluaskan untuk menghasilkan impak mampan bagi generasi akan datang.

Penafian

Penulisan ini adalah inisiatif penulis berdasarkan pandangan yang diperoleh dari pengumpulan data dan bahan bacaan ilmiah berkaitan aktiviti pertanian yang dikaji. Pandangan yang dikemukakan tidak semestinya mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia.



JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
WILAYAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR

LABUAN

ISBN 978-967-253-952-0



9 789672 539520



**BANI 2024
PERTANIAN**
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN



@StatsMalaysia



20 Oktober 2016 - 2030